

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 25 MAC 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, 9, 14 HINGGA NO. 73)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penambahan pasukan sukarelawan Bomba & Penyelamat di kawasan pedalaman seperti Long Pasia, Bintuka dan Bangkalalak. Kerana kawasan ini agak jauh dari balai bomba dan agak sukar untuk mendapatkan bantuan sekiranya terjadi bencana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa peka terhadap pemeraksanaan khidmat kebombaian terutamanya melibatkan penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti kesukarelawanan khususnya kawasan-kawasan yang berada di luar capaian *response time*.

Pada masa kini, kawasan Long Pasia telah mempunyai sebuah Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang telah ditubuhkan pada tahun 2012 dan dikenali sebagai PBS Kg. Long Pasia. Keanggotaan semasa adalah seramai 31 orang dengan dilengkapi peralatan serta pakaian perlindungan diri (PPE) seperti helmet, kasut dan jaket api serta sarung tangan keselamatan yang telah dibekalkan oleh JBPM Negeri Sabah.

Manakala bagi kawasan Bintuka dan Bangkalalak, kedua-dua kawasan ini masih tidak mempunyai dan belum menubuhkan sebarang pasukan yang mampu bertindak sebagai *first responder* seandainya berlaku kes kecemasan di kawasan masing-masing. Pada masa kini, kawasan Bintuka dan Bangkalalak mendapat khidmat kebombaian daripada Balai BBP Beaufort dengan jarak 22 kilometer (27 minit) dan 31 kilometer (39 minit).

Walau bagaimanapun, kawasan Bintuka dan Bangkalalak ini juga mendapat bantuan awal khidmat kebombaian daripada PBS Kg. Gadong yang jaraknya sejauh 2.2 kilometer dari Bintuka dan 13 kilometer dari Bangkalalak. Keanggotaan PBS Kg. Gadong ini adalah seramai 31 orang dan disokong oleh sebuah jentera bomba jenis Nissan UD.

SOALAN NO: 9

Di kesempatan ini, Kementerian dan JBPM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat serta pegawai di atas keperihatinan dan sentiasa peka terhadap isu yang melibatkan keselamatan terutamanya penduduk dalam kawasan Parlimen Sipitang.

Kementerian yakin, usaha murni yang diterjemahkan melalui program turun padang dan bertemu mata bersama masyarakat ini akan menjadi platform terbaik dalam memperluaskan program sukarelawan komuniti atau penubuhan pasukan sukarelawan ke lokaliti yang berada di luar capaian perkhidmatan kebombaan khususnya dikawasan Long Pasia, Kg. Bintuka serta Kg Bangkalalak. Kementerian melalui JBPM komited dan akan terus memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan penubuhan serta memperluaskan pasukan kesukarelawan dengan sokongan penuh dari Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 25 MAC 2024 [ISNIN]

SOALAN

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kos muktamad pembiayaan ECRL dan apakah tindakan yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan masalah sebahagian tanah pemilik yang terlibat dengan pengambilalihan tanah kerana tanah tersebut tidak lagi boleh digunakan kesan daripada pembinaan ECRL.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur untuk rakyat yang direka bentuk bagi menyediakan jaringan pengangkutan rel bagi menghubungkan kawasan Pantai Timur dengan kawasan Pantai Barat. Pada masa yang sama, ia turut mengambil kira potensi pertumbuhan sektor industri, perdagangan dan pelancongan di kawasan-kawasan yang terlibat. Projek ECRL ini menyediakan kemudahan pengangkutan rel bagi penumpang dan kargo.

2. Berdasarkan Perjanjian Tambahan No. 6 yang telah ditandatangani pada 2 Jun 2022, kos bagi pembinaan projek ECRL dari Kota Bharu, Kelantan sehingga ke Pelabuhan Klang, Selangor dengan jajaran sepanjang 665km serta 20 stesen (penumpang dan kargo) di 4 buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor masih kekal dengan jumlah RM50.27 bilion.

3. Dalam pada itu, pihak Malaysia Rail Link (MRL) selaku pemilik projek ECRL akan tertakluk kepada Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 bagi tanah-tanah yang terlibat dengan projek ECRL. Berdasarkan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960, pihak berkuasa negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan bagi tujuan pembangunan kepada orang awam.

4. Pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bersama-sama dengan pihak MRL akan mengenal pasti mana-mana baki tanah yang tidak ekonomik kesan daripada pengambilan tanah oleh projek ECRL. Sekiranya baki tanah tersebut kurang daripada 0.25 hektar dari perwartaan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960, tanah tersebut akan diambil secara keseluruhan. Pembayaran pampasan yang dinamakan sebagai '*injurious affection and severance*' juga akan diberikan kepada pemilik tanah bagi tanah-tanah yang tidak lagi memberi nilai keuntungan akibat pemisahan tanah atau keadaan saiz dan bentuk tanah yang tinggal selepas pengambilan dilakukan.

NO. SOALAN: 14

5. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan menjalankan kajian terperinci ke atas kerugian yang dituntut disebabkan oleh *injurious affection and severance* dan menasihati JKPTG mengenai jumlah pampasan yang wajar. Seterusnya, pihak JKPTG akan menawarkan jumlah pampasan yang diterima pada hari perbincaraan. Bayaran pampasan akan dibuat dalam tempoh 3 bulan selepas pihak MRL menerima jumlah tawaran pampasan yang disyorkan oleh JKPTG. Pemilik tanah boleh membuat bantahan terhadap jumlah pampasan yang ditawarkan dengan mengemukakan rayuan bertulis kepada Mahkamah Tinggi dalam masa 6 minggu selepas pengeluaran tawaran pampasan bertulis.

6. Pihak Malaysia Rail Link (MRL) sentiasa komited bagi meminimumkan impak terhadap tanah-tanah yang terlibat dengan proses pengambilalihan tanah bagi projek ECRL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah khusus Kerajaan untuk memudahkan akses kemanusiaan segera dan berterusan ke dalam dan di seluruh Semenanjung Gaza untuk menangani keperluan kemanusiaan yang mendesak mengikut rangka kerja perundangan antarabangsa.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Azli bin Yusof** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia amat memahami kebimbangan rakyat Malaysia terhadap situasi kemanusiaan di Palestin yang semakin kritikal akibat kekurangan bekalan makanan, perubatan dan keperluan asas susulan tindakan kejam

SOALAN NO : 15

rejim Israel yang sengaja mengenakan sekatan terhadap usaha kemasukan bantuan kemanusiaan ke Gaza.

3. Setakat 24 Mac 2024, konflik di Gaza telah mengorbankan 32,142 orang (12,300 daripadanya kanak-kanak) rakyat Palestin, dan 1,540 rakyat Israel. 74,412 orang rakyat Palestin dilaporkan cedera, manakala 7,000 orang lagi dilaporkan hilang. Seramai 2.3 juta orang dilaporkan hilang tempat kediaman. Sebanyak 360,000 bangunan kediaman, 395 sekolah, 450 masjid, 3 gereja, dan 356 kemudahan perubatan dilaporkan musnah di Gaza. Buat masa ini, terdapat ribuan deretan trak yang membawa bantuan kemanusiaan dari Mesir ke Gaza masih menunggu kebenaran melintasi sempadan Rafah, Mesir untuk masuk ke Gaza.

4. Bagi menangani keperluan kemanusiaan yang mendesak, Malaysia menggunakan rangka kerja perundangan antarabangsa berdasarkan kepada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 46/182 (1991) "*Strengthening of the coordination of humanitarian emergency assistance of the United Nations*". Penghantaran barangan kemanusiaan Malaysia sentiasa berpandukan kepada spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan oleh Pejabat Koordinasi Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OCHA) yang jelas menyatakan prosedur kemasukan bantuan kemanusiaan ke Gaza perlu melalui Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir (ERC). Antara barangan keperluan utama yang disenaraikan oleh ERC adalah bekalan makanan, minuman, ubat-ubatan, peralatan perubatan, barangan bayi dan wanita, selimut serta lain-lain keperluan kelangsungan hidup.

5. Melalui tatacara yang ditetapkan di atas, Kerajaan telah menggerak kerja melalui kolaborasi unik merentasi agensi Kerajaan bersama dengan lebih daripada 60 Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dinamakan Ops Ihsan. Hasilnya dapat dilihat apabila 100 tan bantuan kemanusiaan dari Malaysia melalui Ops Ihsan telah berjaya dihantar ke Gaza dengan penerbangan kargo melalui pintu lintasan Rafah-Gaza dan diterima oleh Kementerian Kesihatan Gaza serta Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS).

6. Melalui inisiatif Ops Ihsan dan NGO-NGO Malaysia yang lain, lebih dari 400 tan bantuan kemanusiaan telah dihantar secara berasingan ke Gaza. Pada 23 Mac 2024, YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr

SOALAN NO : 15

Ahmad Zahid Hamidi merasmikan pelepasan Misi Bantuan Kemanusiaan Kecemasan 100 Kontena Malaysia dari Kaherah ke Gaza yang diselia oleh Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang. Kontena bantuan tersebut merangkumi 1,358 tan terdiri daripada bahan asas seperti tepung gandum, kotak makanan, barangan ibu dan bayi itu bernilai RM12 juta.

7. Kerajaan sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Mesir dan ERC bagi memastikan akses bantuan kemanusiaan sampai kepada rakyat Palestin yang memerlukan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika lawatan rasmi beliau ke Mesir pada bulan Oktober 2023 turut berbincang dengan pemimpin tertinggi Mesir bagi memastikan kelancaran akses penyaluran bantuan kemanusiaan yang amat diperlukan oleh rakyat Palestin. Semasa lawatan khas Ahli-Ahli Parlimen ke Mesir yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Luar Negeri turut menyatakan kepada rakan sejawat beliau mengenai peranan penting Mesir dalam penghantaran bantuan kemanusiaan segera ke Gaza.

8. Akhir kata, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sebagai negara yang sentiasa lantang dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang sentiasa ditindas, Malaysia akan terus komited dalam memberikan sokongan kemanusiaan kepada Palestin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi kecaman terhadap hukum-hukum Islam yang dilihat semakin berleluasa ketika ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memandang serius isu berkaitan kecaman terhadap hukum-hukum Islam yang dilihat semakin berleluasa dan memastikan kesucian agama Islam di negeri ini terus terpelihara. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang membangkitkan isu sensitif khususnya menerusi penyebaran maklumat yang mempersenda agama di negara ini kerana perbuatan tersebut boleh mengganggu ketenteraman dan keharmonian rakyat berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti berikut:

NO. SOALAN : 16

- I. Seksyen 298 Kanun Keseksaan yang menyebut mengenai dengan sengaja mengeluarkan perkataan, bunyi, isyarat dan sebagainya berniat hendak melukakan perasaan keagamaan seseorang; dan jika disabit kesalahan, tertuduh boleh dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.
 - II. Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu mengenai perlakuan menulis, bercakap, mempromosi, membantu, menganjur, mengatur dan sebagainya apa-apa aktiviti yang menyebabkan atau boleh menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan keharmonian atau perpaduan di atas alasan agama.
 - III. Seksyen 295 Kanun Keseksaan berhubung memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat mengaibkan agama golongan tersebut; dan
 - IV. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan mengenai kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain. Mengikut Seksyen 233 (1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 233(3) akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum satu tahun, jika sabit kesalahan.
2. Berbeza pendapat dan pandangan dalam sebarang isu perlu disampaikan dengan cara dan saluran yang betul agar tidak membawa kepada tindakan mengecam hukum-hukum Islam. Allah SWT telah memperingatkan tentang kejatuhan yang menimpa umat terdahulu sebagai pengajaran dan pelajaran. Firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum: ayat 31-32 Yang bermaksud:

“...Dan janganlah kamu menjadi daripada mana-mana golongan yang musyrik, iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak; tiap-tiap puak bergembira dengan napa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu.”

3. Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor merangkap Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) pada 15 Februari 2024, mengajak umat Islam di negara ini agar sentiasa memelihara adab dalam memberi sesuatu pandangan bagi mengelak kekeliruan dalam kalangan ummah. Baginda bertitah agar umat Islam dapat meraikan perbezaan pendapat dan menyelesaikan perbezaan pandangan tersebut secara ilmiah, berhemah serta melalui saluran yang betul. Seksyen 9, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukan, “ *Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya ”.*

Manakala sebarang bentuk kecaman terhadap agama Islam atau hukum – hakam yang terkandung di dalam agama Islam, boleh ditafsirkan sebagai perbuatan menghina agama Islam sepertimana yang terkandung di bawah **Seksyen 7, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997** iaitu “ *mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa – apa cara yang lain ” :*

(a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;

NO. SOALAN : 16

(b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau

(c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

4. Justeru, rakyat di pelbagai peringkat harus menyambut baik dan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) dan dalam masa yang sama meninggalkan sikap yang tidak berakhlak khususnya dalam memberikan pandangan terhadap perkara agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status Penggerak Penumpang Automatik (APM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) memandangkan ia amat penting untuk memastikan keselesaan dan kemudahan penumpang dalam perjalanan melalui KLIA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelan penggantian aerotrain di KLIA T1 telah dimulakan pada 14 Mac 2022 lalu dengan jangkaan siap sepenuhnya pada akhir Mac 2025. Skop pelan penggantian aerotrain di KLIA T1 merangkumi beberapa aspek iaitu:

- i. Tren *Automated People Mover (APM) System* melibatkan *vehicle, signalling and power rail*;
- ii. Infrastruktur dan sistem lain yang diperlukan untuk sama ada pengubahsuaian, pemuliharaan, penggantian kepada menampung APM baharu melibatkan:
 - a. *Track 1, Track 2 and Track 3*;
 - b. *Maintenance, Storage and Facilities Building (Depot)*;
 - c. *Power Distribution System*; dan
 - d. *Communications*.

2. Pelan penggantian aerotrain dijadual untuk memulakan operasinya bermula akhir tahun 2024 atau selewat-lewatnya Mac 2025. Ini mengambil kira kesediaan kontraktor dilantik dari aspek teknikal dan infrastruktur berkaitan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan terhadap pemohon bagi rumah kategori rent-to-own seperti PPR yang menyewakan lot kediaman atas namanya kepada pihak ketiga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan inisiatif Kerajaan dalam penyediaan rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM5,000 sebulan. Program ini dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu PPR Dimiliki, PPR Disewa dan PPR Sewa untuk Milik (*rent to own*, RTO).

PPR RTO merupakan kaedah pemilikan rumah PPR yang diberikan kepada pemohon PPR yang layak tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Melalui skim ini, bakal pembeli ditawarkan sewaan PPR untuk tempoh masa selama 5 tahun sehingga 20 tahun. Tawaran untuk memiliki akan diberikan setiap 5 tahun dengan membuat baki bayaran penuh dengan syarat penyewa konsisten dalam membuat pembayaran sewaan dan bayaran penyelenggaraan. Semasa tempoh sewaan, penyewa berpeluang untuk

SOALAN NO : 18

memperbaiki kedudukan kewangan mereka sehingga mereka boleh mendapatkan pinjaman bank di kemudian hari untuk membuat pembiayaan bagi pemilikan penuh.

Semua bakal penyewa atau pembeli PPR RTO akan menandatangani Kontrak Perjanjian Penyewaan Rumah PPR yang mana telah menetapkan mana-mana penyewa atau pembeli **tidak dibenarkan memberi sewa atau melepaskan pemilikan rumah kepada orang lain, sama ada secara penuh (untuk keseluruhan kediaman) ataupun sebahagian dari kediaman (sewaan bilik)**. Sekiranya didapati melanggar perkara ini, penghuni akan diberikan surat peringatan dan diberi amaran keras serta notis pengosongan unit rumah. Sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) tidak pernah menerima sebarang aduan daripada Ejen Pengurusan atau penduduk berkaitan isu *sublet* atau menyewakan lot kediaman atas namanya kepada pihak ketiga.

KPKT ingin mengajak semua Ahli Yang Berhormat untuk turut sama memberi kesedaran kepada rakyat di kawasan masing-masing bahawa setiap penghuni yang telah menjaya mendapat unit rumah PPR hendaklah sentiasa menjaga dan menghargai unit rumah serta kemudahan bersama di PPR tersebut kerana ianya bukan mudah untuk dimiliki malah menjadi rebutan dikalangan rakyat lain yang lebih memerlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
DR. WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : **25 MAC 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani ancaman *cyber security* seperti *ransomware attacks*, *cyber espionage attempts*, *data leaks* dan *cyber scams*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Digital melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah bagi menangani ancaman keselamatan siber antaranya seperti membantu menangani insiden-insiden siber yang dilaporkan, mengeluarkan amaran dan khidmat nasihat keselamatan siber, menjalankan program kesedaran keselamatan siber (CyberSAFE) dan program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan serta program latihan kompetensi dan pensijilan professional keselamatan siber. Keberkesanan langkah-langkah ini dapat dilihat seperti berikut:

- (a) CyberSecurity Malaysia telah membantu menangani insiden-insiden siber yang dilaporkan seperti *ransomware*, *cyber espionage*, *data leaks* dan *cyber scams*. Hal ini menunjukkan peratus kejayaan

SOALAN NO. 19

dalam kadar penyelesaian insiden-insiden siber yang dilaporkan ke CyberSecurity Malaysia. Bagi tahun 2023, daripada jumlah 5,917 insiden siber yang telah dilaporkan, lebih dari 90% insiden berjaya diselesaikan;

- (b) Amaran dan khidmat nasihat keselamatan siber yang dikeluarkan oleh CyberSecurity Malaysia bagi sebarang ancaman siber semasa yang memerlukan tindakan segera seperti *patch* dan *update* telah mendapat perhatian orang ramai dan organisasi. Hal ini, sedikit sebanyak dapat dilihat pada penurunan kadar insiden yang dilaporkan ke CyberSecurity Malaysia pada tahun 2023 sebanyak 18.86% dari tahun sebelumnya:

Insiden Keselamatan Siber	2022	2023
Insiden Kandungan:		
Penipuan	4,741	3,705
Berkaitan Kandungan	50	646
Insiden Teknikal:		
Cubaan Pencerobohan	180	354
Pencerobohan	755	508
Kod Berbahaya	1,023	509
Spam	478	79
Gangguan Perkhidmatan	17	25
<i>Vulnerabilities</i>	48	91
Jumlah Keseluruhan		
	7,292	5,917

- (c) Pada tahun 2023, melalui program kesedaran keselamatan siber

SOALAN NO. 19

(CyberSAFE) yang memberi pendedahan dari segi modus operandi jenayah siber, ancaman siber semasa serta tips amalan terbaik yang boleh diamalkan oleh orang awam dalam mempersiapkan diri mereka mendepani ancaman siber semasa ini, seramai 44,358 individu telah menerima manfaat daripada program ini di seluruh negara;

- (d) Manakala bagi program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan yang bertujuan untuk memberi maklumat bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang jenayah penipuan kewangan dan scam yang semakin berleluasa sehingga menggugat kesejahteraan dan pembangunan negara. Pada tahun 2023, program ini telah dilaksanakan di Selangor/ Wilayah Persekutuan, Perlis, Sarawak, Sabah, Kelantan dan W.P. Putrajaya dan telah memanfaatkan 14,271 individu. Manakala pada tahun ini, program ini telah dirancang untuk diadakan di Johor, Kedah, Perak, Pahang dan Terengganu; dan
- (e) Selain itu juga, seramai 16,248 peserta telah menyertai program latihan kompetensi dan pensijilan professional keselamatan siber yang direkodkan oleh CyberSecurity Malaysia sehingga tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Kapten Azahari Bin Hasan [Padang Rengas] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapa bilangan penerima manfaat golongan OKU yang telah memperoleh tambang percuma pengangkutan awam sehingga kini serta pecahannya mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedang melaksanakan dua inisiatif tambang percuma pengangkutan awam bagi perkhidmatan bas dan rel kepada golongan rentan termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu pas 'myBAS Konsesi' dan pas *MyRailLife*. Inisiatif 'myBAS Konsesi' adalah perkhidmatan tambang percuma bagi perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah program *Stage Bus Service Transformation (SBST)* yang dilaksanakan pada masa ini di tiga negeri iaitu Negeri Sembilan, Perak dan Johor. Inisiatif ini akan diperluaskan jua ke negeri lain yang berada di bawah program SBST secara berfasa. Inisiatif pas *MyRailLife* pula adalah perkhidmatan pas perjalanan keretapi percuma bagi Shuttle Timuran (DMU) sektor Gemas – Tumpat dan perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang dan Utara kendalian Keretapi Tanah Melayu Berhad. Sehingga 31 Disember 2023, seramai 175,342 OKU telah mendaftar dan menikmati perkhidmatan tambang percuma pas 'myBAS Konsesi' dan pas *MyRailLife*.

2. Pecahan penerima manfaat golongan OKU mengikut negeri bagi inisiatif pas 'myBAS Konsesi' adalah seperti berikut:

- a) 289 OKU mendaftar di Negeri Sembilan;
- b) 430 OKU mendaftar di Negeri Perak; dan
- c) 376 OKU mendaftar di Negeri Johor.

3. Seterusnya, pecahan penerima manfaat golongan OKU mengikut sektor bagi inisiatif pas *MyRailLife* pula adalah seperti berikut:

- a) 143,764 OKU mendaftar bagi perkhidmatan KTM Komuter Lembah Klang;
- b) 30,312 OKU mendaftar bagi perkhidmatan KTM Komuter Utara; dan
- c) 171 OKU mendaftar bagi perkhidmatan Shuttle Timuran.

NO. SOALAN: 20

4. Melalui inisiatif ini, Kementerian Pengangkutan berharap agar perkhidmatan yang terbaik akan dapat diberikan oleh penyedia perkhidmatan pengangkutan awam dan agensi pelaksana sebagai galakan kepada komuniti OKU untuk menggunakan pengangkutan awam selain mengurangkan kos sara hidup golongan sasar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melanjutkan moratorium hukuman mati terhadap banduan-banduan yang masih menghadapi hukuman mati selepas hukuman mereka tersebut dikekalkan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah undang-undang semakan hukuman tersebut yang baru-baru ini diperkenalkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada 17 Mac 2023, telah meluluskan dua (2) perundangan utama yang dirujuk berhubung pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia iaitu Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.
2. Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [Akta 846] merupakan suatu akta untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat di Malaysia dan telah berkuatkuasa pada 4 Julai 2023. Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori ini bukan melibatkan pemansuhan hukuman mati sepenuhnya (*total abolition*). Bagi kesalahan-kesalahan yang menyebabkan kematian, Mahkamah masih boleh menjatuhkan hukuman mati, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah. Ini berikutan Kerajaan berlandaskan prinsip atau dasar utama iaitu “jika kesalahan menyebabkan kematian, mahkamah mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati”. Ini bermaksud, mahkamah masih boleh menjatuhkan hukuman mati bagi kes-kes yang sangat kejam (*heinous crime*).
3. Sementara itu, Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [Akta 847] pula memperuntukkan bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat yang telah dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan. Akta 847 ini telah berkuat kuasa mulai 12 September 2023.
4. Setakat 16 November 2023, kesemua 906 orang banduan telah mengemukakan petisyen penyemakan semula hukuman mati kepada

Mahkamah Persekutuan. Buat masa ini, pendengaran semakan semula hukuman telah bermula secara berperingkat mulai 14 November 2023 di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, Mahkamah Persekutuan, Kuching dan Mahkamah Persekutuan Sabah dan Mahkamah Persekutuan, Alor Setar Kedah. Sehingga 18 Mac 2024, sebanyak 134 permohonan petisyen penyemakan semula hukuman mati telah didengar di hadapan Mahkamah Persekutuan dimana Mahkamah telah mengekalkan 12 hukuman mati bagi kes-kes yang sangat kejam (*heinous crime*). Bagi banduan yang masih dikekalkan hukuman mati oleh Lembaga Pengampunan, banduan ini masih boleh mengemukakan permohonan petisyen di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 untuk dipertimbangkan di Mesyuarat Lembaga Pengampunan.

5. Pada masa yang sama, selaras dengan surat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) bertarikh 11 Mei 2021, buat masa ini moratorium terhadap pelaksanaan hukuman mati masih terpakai dan setakat ini tiada keputusan terbaru daripada Kerajaan untuk membatalkan keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD
JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kajian Kementerian berkaitan kelestarian dan kemampuan juga kebaikan dan keburukan bidang E-sport untuk dijadikan karier memandangkan ramai remaja berhasrat menjadikannya sebagai kerjaya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Satu kajian telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama Esports Integrated (ESI) berkenaan dengan sukan elektronik di Malaysia pada tahun 2023 dan bakal diterbitkan dalam masa suku pertama tahun ini.

Objektif kajian berkenaan adalah merangkumi aspek mengenal pasti tahap kesedaran belia terhadap esukan di Malaysia, mengenal pasti tahap penglibatan belia terhadap esukan di Malaysia dan ekosistem esukan di Malaysia.

Esukan tidak seharusnya dilihat dalam aspek pemain sahaja. Prospek kerjaya dalam bidang esukan adalah sangat luas yang turut merangkumi kejurulatihan, hos dan pengulas sukan, pengurusan pasukan, pengatur cara sistem, pereka grafik dan animasi, dan sebagainya. Namun cabaran dalam mengurus persepsi orang ramai yang menganggap esukan tidak membawa manfaat, membazir masa dan

SOALAN NO : 22

bukanlah aktiviti sukan harus ditangani dengan perkongsian data dan fakta berkenaan kebaikan dan kecemerlangan esukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS juga telah membangunkan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) telah dilancarkan secara rasmi pada Jun 2023. Matlamat NESDEG adalah untuk memberi panduan kepada semua pemegang taruh berkaitan tadbir urus yang lebih efektif, hak dan bertanggungjawab dalam kalangan penggiat dan pemain industri selain menggariskan panduan dan prosedur untuk membuat keputusan, kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang lebih baik. Teras kelima dalam NESDEG iaitu Panduan Laluan Kerjaya turut menekankan jurusan akademik dan kemahiran yang diperlukan dalam menceburi industri esukan dan carta alir kerjaya yang memainkan peranan penting dalam esukan di bawah peranan spesifik, teknologi dan umum.

Pihak Kementerian sentiasa berusaha bagi memastikan ekosistem esukan turut dapat dimanfaatkan masyarakat khususnya golongan belia. Penambahbaikan secara berterusan terhadap garis panduan serta tindakan daripada kajian yang telah dijalankan akan diberi perhatian yang khusus dan pastinya turut akan selari dengan Kod Sukan Selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek yang tidak dapat dibangunkan di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan sejauh manakah dasar bagi konsep Perumahan MADANI yang menjadi teras pembangunan kediaman mampu milik rakyat Malaysia tanpa mengira kumpulan pendapatan untuk mendiami perumahan selesa dan harmoni.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Januari 2024, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) mempunyai 86 projek dengan jumlah unit sebanyak 53,646 di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 55 projek yang melibatkan 35,977 unit telah siap dibina, 21 projek yang merangkumi 14,016 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 10 projek yang merangkumi 3,653 unit dalam peringkat perancangan.

Dalam menyokong aspirasi Kerajaan MADANI, PR1MA menerapkan konsep Perumahan MADANI yang inklusif dalam pembangunan baharu milik PR1MA iaitu Bandar Mini PR1MA. Pembangunan Bandar Mini ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Teras Pembangunan Strategik PR1MA yang akan dilancarkan pada tahun 2024 dan akan dibangunkan di atas tanah PR1MA di Teluk Intan, Perak. Pembangunan ini terdiri daripada Rumah Mampu Milik, rumah premier, unit-unit komersial serta fasiliti awam.

Bagi memastikan kediaman PR1MA yang disediakan berkualiti, selesa untuk didiami dan membentuk komuniti yang harmoni, PR1MA mempunyai garis panduan yang diguna pakai dalam merancang pembangunannya. Berdasarkan garis panduan ini, perancangan pembangunan yang holistik bagi kediaman PR1MA dapat dilaksanakan yang merangkumi pematuhan kualiti yang ditetapkan oleh agensi berkaitan, penyediaan landskap serta fasiliti seperti surau, tabika dan dewan serba guna. PR1MA komited dalam menyediakan kediaman yang berkualiti dan mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam menyediakan program perumahan mampu milik yang bertujuan memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*). Selaras dengan gagasan konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, KPKT telah menjajarkan dan mengaplikasikan konsep ini dalam pelaksanaan Dasar Perumahan Negara (DRN) (2018-2025).

SOALAN NO : 23

Susulan itu, KPKT sedang mengenal pasti dan merancang pelaksanaan program dan projek perumahan selaras dengan aspirasi konsep Malaysia MADANI tersebut. Pelaksanaan program dan projek ini haruslah mengutamakan kualiti, tidak mendiskriminasikan mana-mana pihak dalam masyarakat, dilengkapi kemudahan yang bersepadu serta mampu menyediakan peluang dan akses kepada taraf hidup yang lebih baik.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, semasa pembentangan Kajian Separuh Penggal (KSP), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 pada 11 September 2023, Kerajaan telah bersetuju agar projek rintis Perumahan Inklusif MADANI dibangunkan untuk golongan sasaran di bandar utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang dengan pembinaan melibatkan 800 unit rumah dengan pelbagai saiz ruang lantai bagi menampung keperluan golongan sasaran yang berbeza. Komitmen Kerajaan berhubung pelaksanaan projek ini juga telah dizahirkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara pada 11 Disember 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri dan dihadiri oleh Kerajaan Negeri serta Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam eko-sistem perumahan. Perumahan Inklusif MADANI (PIM) ini akan menyediakan manfaat kediaman kepada pelbagai kumpulan sasaran termasuklah warga emas, golongan kurang upaya (OKU), belia, golongan berpendapatan rendah (B40) dan Keluarga Muda di kalangan golongan berpendapatan sederhana (M40).

Di Wilayah Persekutuan, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah mengeluarkan Garis Panduan Residensi MADANI Wilayah Persekutuan. Melalui Garis Panduan ini, pembangunan Residensi MADANI Wilayah Persekutuan akan merangkumi penyediaan kediaman mampu milik sama ada untuk dijual dan disewa berdasarkan jenis kediaman dan juga mengikut kumpulan sasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN (PUTRAJAYA)

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan meneruskan hasrat untuk menjual pegangan saham LTAT dalam Boustead Plantations selepas syarikat tersebut tidak lagi disenarai di Bursa Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) tidak berhasrat untuk menjual pegangan saham LTAT dalam Boustead Plantations. Pihak LTAT sedang meneliti pelan masa hadapan Boustead Plantations (BPlant) untuk menentukan halatuju strategik dan melonjakkan lagi prestasi operasi syarikat ke tahap yang lebih tinggi.
2. Langkah ini adalah penting untuk meningkatkan nilai tambah dan merealisasikan potensi sebenar BPlant bagi menjadikannya sebagai sebuah aset yang berdaya saing dan mampu memberikan pulangan yang mampan untuk tempoh jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat pelan Kerajaan untuk memantapkan pangkalan sistem bersepadu e-Kasih supaya terletak di bawah satu agensi, lebih kerap dikemaskini, lebih mudah didaftar dan lebih tepat.

JAWAPAN

**YB DR ZALIH BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) merupakan satu-satunya *custodian* kepada Sistem eKasih iaitu Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh Kerajaan bermula pada tahun 2008 untuk membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan selain mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah pendapatan garis kemiskinan. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Ogos 2007 dan 31 Oktober 2007.
2. Bagi tujuan pendaftaran dalam Sistem eKasih, orang awam sama ada individu ataupun masyarakat, pemimpin-pemimpin tempatan iaitu Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Penghulu, Ketua Kampung, NGO, agensi Persekutuan dan Negeri boleh membuat pelaporan mengenai isi rumah miskin melalui pejabat daerah ataupun terus ke Pejabat Pembangunan Negeri (PPN). Selain itu, aduan di dalam media sosial juga diambil tindakan untuk ditentukan status kemiskinan. Data-data yang telah dimasukkan ke dalam Sistem eKasih juga akan dibuat pemutihan sekurang-kurangnya 2 tahun sekali.
3. Langkah proaktif sentiasa dilaksanakan bagi memastikan eKasih adalah komprehensif dan bersepadu. Bagi tujuan ini, integrasi data turut dilaksanakan dengan agensi antaranya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pejabat Zakat Negeri dan sebagainya. Kerajaan juga sentiasa berusaha memastikan kawasan liputan diperluaskan bagi mencakupi segenap golongan dan lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai tatacara pengendalian piawai (SOP) untuk menjalankan operasi sistem penguatkuasaan automatik (AES).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemasangan dan penguatkuasaan kamera AwAS (dahulu dikenali sebagai AES) dilakukan di lokasi *blackspot* bertujuan mengurangkan risiko kemalangan dan kematian akibat kelajuan. Penguatkuasaan rakaman dilakukan secara telus dan berterusan tanpa campur tangan anggota penguatkuasa.
2. Lokasi pemasangan kamera AwAS ditentukan berdasarkan kajian statistik kemalangan oleh MIROS dan PDRM. Lawatan tapak dilakukan oleh pihak MIROS, JPJ, PDRM, JKR dan PBT untuk menentukan kesesuaian lokasi.
3. Hasil lawatan tapak berdasarkan senarai lokasi akan diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk mendapatkan kelulusan pewartaan oleh YB Menteri Pengangkutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan Yang Dirakam Oleh Kamera) 2012.
3. Setelah lokasi diwartakan, pemasangan infrastruktur dilakukan oleh syarikat yang dilantik berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa jalan.
4. Pengoperasian kamera AwAS akan dimulakan setelah mematuhi semua peraturan undang-undang termasuk ujian ketepatan dan kejituan kamera. Kelulusan daripada Jawatankuasa Penilaian dan Ketentukuran yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif, JPJ bagi tujuan pengeluaran Sijil Ketentukuran (Jadual Ketiga) yang akan disahkan oleh Jurutera Mekanikal/ Elektrikal (Perkhidmat Awam).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah drastik yang diambil oleh pihak Kementerian dalam memacu pembangunan sukan permotoran negara serta langkah bagi membendung aktiviti tidak sihat yang membabitkan golongan belia yang meminati sukan terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Sepang International Circuit (SIC) komited menyokong pembangunan sukan permotoran negara melalui kerjasama erat persatuan sukan bermotor dan juga pihak swasta.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KBS adalah melalui penyaluran geran untuk program pembangunan sukan permotoran di peringkat akar umbi dan nasional melalui program SIC Ohvale Junior Championship dan FIM MiniGP Malaysia Series. Program ini memberi fokus kepada pembangunan bakat-bakat muda berumur 8-15 tahun untuk diserap masuk ke dalam program pembangunan sukan permotoran dua roda PETRONAS SIC ke peringkat antarabangsa.

SOALAN NO: 27

Antara program lain yang dianjurkan ialah Malaysia Superbike Championship (2-roda), Malaysia Championship Series dan Sepang 1000KM (4-roda) yang memfokuskan kumpulan sasar berumur 16-55 tahun. PETRONAS SIC juga merupakan hab pembangunan bakat sukan permotoran di Malaysia. Atlet-atlet permotoran negara yang berbakat akan diserap ke dalam program Impian Ke MotoGP dan akan melalui siri-siri latihan intensif dan akan berlumba di perlumbaan peringkat antarabangsa. Antara perlumbaan itu adalah *FIM Junior GP Championship*, *Red Bull MotoGP Rookies Cup*, *ESBK Moto4*, dan *Asia Talent Cup*.

KBS melalui inisiatif Rakan Muda dan Rakan Litar akan mengadakan program-program penyertaan terbuka untuk semua golongan masyarakat Malaysia melalui program *Bike Track Day*, *Car Track Day* dan Latihan Asas *Pocket Bike* yang akan diadakan di PETRONAS SIC. Program ini bertujuan agar mendidik dan memupuk minat dari peminat-peminat sukan permotoran dan automotif untuk menjalankan aktiviti berkaitan permotoran di tempat yang selamat iaitu di litar dan bukan di jalan raya atau di tempat awam.

Menerusi Rakan Litar juga, sebanyak 20 buah program dengan sasaran penyertaan sebanyak 3,140 peserta telah dirancang bagi tahun 2024 di seluruh Malaysia. Antara Program Rakan Litar yang telah dan bakal dilaksanakan pada tahun 2024 adalah seperti berikut: -

- a) Akademi Minibike KBS;
- b) Perlumbaan Motocross KBS;
- c) KLASS Cub Prix KBS;
- d) Road 2 Wira Cub Prix KBS;
- e) KLASS Push Bike;
- f) KLASS Rally KBS;
- g) Perlumbaan Rally KBS;
- h) Cabaran 4x4 KBS; dan
- i) Bengkel Sukan Permotoran

Dalam mengurangkan risiko kemalangan kepada peserta program, kementerian ini dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor

SOALAN NO: 27

Malaysia (MAM) telah menyenaraikan litar-litar lumba yang selamat bagi aktiviti sukan permotoran ini. Litar lumba yang mendapat penyeliaan penganjuran perlumbaan tahunan pada tahun 2024 adalah seperti berikut: -

- a) Litar Antarabangsa PETRONAS Sepang (PSIC);
- b) Sepang Kart Circuit;
- c) Shah Alam Kart Circuit; dan
- d) Speedway PLUS, Subang USJ

Manakala litar lumba yang mendapat kelulusan perlumbaan melalui acara pada tahun 2024 setakat bulan Februari seperti berikut: -

- a) Litar Dato Sagor Perak;
- b) Litar Lumba Tangkak; dan
- c) Litar Motocross SEMA, Ulu Yam

Selain itu, Kementerian turut melaksanakan pemantauan penganjuran aktiviti perlumbaan bermotor dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor Malaysia (MAM). Setiap perlumbaan yang tidak mendapat kelulusan kawal selia (*sanction*) akan dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS), pihak polis dan pihak berkuasa tempatan untuk tindakan selanjutnya.

Justeru itu, Kementerian menyeru agar semua belia, peminat sukan bermotor dan penganjur perlumbaan bermotor untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada Persatuan Sukan Bermotor Malaysia (MAM) dalam apa-apa bentuk aktiviti sukan permotoran. Kementerian juga ingin menegaskan dan mengingatkan supaya golongan belia dan penggiat sukan bermotor untuk mengadakan sebarang aktiviti sukan bermotor di litar bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL
(JASIN)**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ada usaha untuk mengeluarkan buku atau artikel berkaitan politik dalam Islam dalam usaha memberi kesedaran politik Islam dalam masyarakat dan mengelakkan kekeliruan ideologi politik yang bertentangan dengan Islam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada asasnya, keperluan dalam mengetahui dan memahami politik semasa adalah satu tanggungjawab yang sewajarnya diambil berat bagi mereka yang mengaku sayang akan tanah tumpah darahnya. Pada hari ini kita amat memerlukan sebuah kefahaman yang sebenarnya bersumberkan kepada rujukan al-Quran dan al-Sunnah berkenaan dengan politik dalam Islam.
2. Bagi mereka yang telah dilantik sebagai ahli politik di Malaysia, maka difahami dalam konteks semasa bahawa ahli politik ini adalah pemimpin bagi masyarakat walau di mana pun mereka itu ditempatkan. Kedudukan

NO. SOALAN: 28

pemerintah itu adalah umpama paksi pada sesuatu bulatan yang akan merealisasikan perpaduan dan menjaga keutuhan melalui kepimpinannya. Pemerintah turut bertanggungjawab dalam melaksanakan hukum hakam dalam undang-undang bagi menjaga keharmonian dalam masyarakat.

3. Bagaimanapun, yang amat dikhuatiri adalah pemikiran bahawa politik dan agama perlu dipisahkan yang kini dikenali sebagai pendekatan sekularisme. Fahaman sekularisme ini akan memberi kesan yang sangat mendalam terhadap kedudukan amal perbuatan di sisi iman.

4. Ini kerana sekularisme cuba memisahkan agama daripada segenap bidang kehidupan termasuk politik atau pentadbiran negara, sosial dan ekonomi. Sebaliknya sekularisme menjadikan agama hanya bagi amalan-amalan ritual semata-mata. Fahaman seumpama ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana Islam adalah ad-din yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia.

5. Sehubungan dengan itu, kerangka Membangun Malaysia Madani yang terdiri daripada enam tonggak dasar iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan Ihsan. Kesemua enam tonggak ini perlu di perhalusi oleh semua ahli politik bagi mewujudkan politik yang matang. Politik yang matang mampu untuk membangun ummah bagi memperkukuh lapan keperluan iaitu ekonomi dan kewangan, perundangan, pendidikan, kemasyarakatan, budaya, bandar dan luar bandar.

6. Bagi membantu masyarakat memahami akan isu yang berlegar dalam politik ini, pihak JAKIM telah menerbitkan buku-buku yang berkaitan politik dan Islam antaranya :

- i. Risalah Isu Semasa: Penjelasan Mengenai Isu Mengkafir Orang Islam, Jihad dan Mati Syahid: terbitan pertama pada 1986, kedua pada 2022.
- ii. Menangani Cabaran Ekstrimisme Tempatan; dan
- iii. Respon Terhadap Golongan Radikalisme Agama

NO. SOALAN: 28

7. Kerajaan juga melalui Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) juga telah menerbitkan buku-buku berkaitan politik dalam Islam sejak tahun 2008. Antara terbitan buku YADIM ialah

- i. Sistem Politik dalam Islam oleh Omardin Ashaari (2008)
- ii. Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban oleh Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid (2008)
- iii. Hakikat Pemikiran Politik Hasan Al-Banna oleh Prof. Dr. Sudirman M. Johan (2012)
- iv. Politik Islam dan Melayu oleh Asyraf Wajdi Dusuki (2014-2016)
- v. Hentikan Polemik Negara Islam oleh Abd Manaf Ahmad (2016).

7. Isi kandungan buku-buku ini secara umumnya memberi gambaran jelas tentang kefahaman asas berhubung sistem politik dan pemerintahan Islam berdasarkan ayat-ayat al-Quran, hadis, konsep asy-Syura dan syariat Islam disamping mengutip pandangan muftabar dalam kalangan ulama seperti Al-Farabi, Ibn Khaldun, Malek Bennabi, Al-Qardhawi dan lain-lain lagi.

8. Disamping itu, YADIM telah menerbitkan 40 artikel yang berkaitan politik dalam Islam melalui terbitan majalah Dakwah. Untuk makluman, majalah Dakwah diterbitkan oleh YADIM dua bulan sekali dengan pelbagai isu dan topik yang sarat dengan maklumat untuk sebaran dakwah kepada masyarakat.

9. Kerajaan berharap agar buku, risalah atau penerbitan melalui media elektronik ini dapat dimanfaatkan dan memberi penjelasan terhadap isu dan permasalahan semasa masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang skim pinjaman atau rancangan untuk skim pinjaman yang melibatkan pembaikan rumah untuk golongan B40 dan M40.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai sebarang skim pinjaman atau rancangan skim pinjaman yang melibatkan pembaikan rumah untuk golongan B40 dan M40. Walau bagaimanapun, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di bawah KPKT telah mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi menyediakan kediaman yang selesa dan selamat untuk dihuni, serta menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti dan sejahtera kepada komuniti di bandar. Skop program ini melibatkan komuniti bandar yang hidup dalam serba kekurangan di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berdaftar dengan Sistem eKasih di bawah seliaan Unit

SOALAN NO : 29

Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

Program ini adalah bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa kepada **Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) B40 di bandar** yang layak bagi menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera. Kadar bantuan yang ditetapkan untuk Program ini adalah seperti berikut :-

Program	Kadar Bantuan Maksimum
	Malaysia (RM)
Baik Pulih Rumah di Bandar	RM20,000
Bina Baharu Rumah di Bandar	RM85,000

Bagi tahun 2024, KPKT telah menerima peruntukan sebanyak RM35,840,000 juta bagi Program Baik Pulih di Bandar dan RM14,960,000 juta bagi Program Bina Baharu di Bandar. Pencarian dan pengenalpastian Ketua Isi Rumah di kalangan komuniti miskin bandar bagi pemberian bantuan ini dilakukan oleh PBT selaku agensi pelaksana yang dekat dengan rakyat. Kerajaan berharap usaha-usaha ini akan membantu **B40 di bandar** hidup dengan selesa dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha dalam memastikan Stesen KTM Alor Setar sentiasa dalam keadaan penyelenggaraan yang baik, landskap yang ceria dan tandas yang bersih supaya memberi keselesaan kepada pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa menitikberatkan aspek kekemasan dan kebersihan di stesen keretapi dan memantau tindakan yang diambil oleh operator-operator rel bagi memastikan keselesaan kepada pengguna.

2. Bagi stesen KTM Alor Setar yang dikendalikan oleh KTMB, tindakan penyelenggaraan dan pembersihan dibuat secara berkala mengikut jadual kerja yang telah diatur bagi memastikan kawasan stesen sentiasa berkeadaan baik. Sebagai contoh, kerja pembersihan di dalam kawasan bangunan stesen seperti platform dan tandas dibuat setiap hari manakala pembersihan landskap seperti pemotongan rumput di kawasan persekitaran stesen KTM Alor Setar dilakukan setiap pusingan 45 hari sekali. KTMB juga telah melaksanakan inisiatif menyediakan fasiliti tempat duduk yang mencukupi di ruang menunggu di dalam kawasan stesen Alor Setar bagi memberi keselesaan pengguna.

3. Pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) pula telah menyediakan kedai dan *kiosk* untuk menjual makanan bagi memberi kemudahan kepada penumpang. Selain itu, stesen KTMB Alor Setar juga ada menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu tandas, laluan khas dan lif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT (PULAI)

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan membantu Perbadanan Pengurusan (MC) flat strata bagi menyelenggara bangunan yang telah lama, tiada simpanan kewangan, menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi dan tidak mampu ditampung oleh penduduk B40 seperti kebocoran paip air, kebocoran atap, dinding yang pecah, kerosakkan tangki dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), setiap pembeli/pemilik petak perumahan berstrata hendaklah membayar caj dan dan caruman kepada wang penjelas berkenaan dengan petak kepada badan pengurusan bagi penyenggaraan dan pengurusan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dan harta bersama di dalam suatu kawasan pemajuan.

Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan penyenggaraan bangunan dan pengurusan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Hal ini akan memberikan kesukaran kepada penghuni terutamanya apabila skim berstrata tersebut diuruskan sepenuhnya oleh pemilik. Oleh yang demikian, adalah penting supaya bayaran caj penyelenggaraan dan wang penjelas dijelaskan sepenuhnya oleh pembeli/pemilik pada setiap bulan bagi memastikan badan pengurusan (Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC)) mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung kos penyenggaraan dan pengurusan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat JMB/MC sesuatu skim perumahan strata yang tidak aktif dalam menjalankan tanggungjawab, ia akan mengakibatkan kutipan caj penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien. Di bawah Seksyen 86(1) Akta 757 memperuntukkan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh melantik, melalui pemberitahuan bertulis, seorang atau lebih untuk bertindak sebagai ejen pengurusan untuk menyelenggarakan dan menguruskan bangunan atau tanah yang dicadang untuk dipecah bahagi untuk petak-petak atau mana-mana bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dan harta bersama itu bagi suatu tempoh yang dinyatakan oleh COB.

Di samping tanggungjawab badan pengurusan untuk menyelenggara bangunan kediaman berstrata, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan inisiatif membantu

SOALAN NO : 31

perumahan berstrata bagi menyelenggara dan membaik pulih bangunan iaitu melalui Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta manakala Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP) bagi perumahan berstrata awam. Inisiatif ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri (KN), PBT, JMB atau Perbadanan Pengurusan MC. Kedua-dua program ini meliputi penyelenggaraan perumahan berstrata di seluruh negara kecuali di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Penyelenggaraan dan pembaikan bagi kedua-dua program ini adalah merangkumi 10 skop kerja seperti berikut:

- i. Membaiki atau mengganti lif
- ii. Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi
- iii. Membaiki atau mengganti paip sanitari
- iv. Membaiki atau mengganti bumbung
- v. Membaiki atau mengganti tangga & susur tangan (*handrail*)
- vi. Mengecat semula bangunan dan harta bersama
- vii. Pendawaian semula dan kerja elektrik
- viii. Membaiki atau mengganti kemudahan / infrastruktur awam yang melibatkan harta bersama (*common property*)
- ix. Mengganti atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan
- x. Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan.

Bagi skim strata yang berhasrat untuk memohon peruntukan di bawah TPPM bolehlah mengemukakan permohonan kepada PBT melalui COB masing-masing. KPKT akan terus komited untuk membantu Kerajaan Negeri, PBT, JMB / MC serta penghuni dalam menyelenggara dan membaik pulih kediaman penghuni agar lebih berdaya huni, selesa dan selamat disamping penghuni/pemilik yang perlu mempunyai tanggungjawab dan *self empowerment* untuk menjaga dan memelihara kediaman masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
(ARAU)**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pelan penambahbaikan dan modenisasi pertahanan Malaysia sebagai langkah memperkukuhkan kedaulatan negara dan apakah status terkini pencarian Kapal MV Dai Cat 06 yang telah hilang pada 9 Januari 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan penambahbaikan dan modenisasi pertahanan Malaysia adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara dalam melindungi kepentingan negara. Pelan ini juga selaras dengan visi Kertas Putih Pertahanan (KPP) 2020-2030, iaitu '**Malaysia Yang Selamat, Berdaulat Dan Makmur**'. Pelan ini merangkumi tujuh teras strategik iaitu:

- i. Peningkatan kesiagaan dan keupayaan pertahanan dalam melindungi kepentingan negara;
- ii. Pengukuhan kapasiti pertahanan yang kompeten;
- iii. Pelestarian kesejahteraan warga kerja pertahanan;
- iv. Pengukuhan kerjasama awam-tentera (Civil-Military Cooperation - CIMIC) demi pertahanan menyeluruh;
- v. Pembangunan sains, teknologi dan industri pertahanan;
- vi. Pengukuhan kerjasama antarabangsa dalam menjamin pertahanan negara; dan
- vii. Transformasi kesejahteraan veteran ATM.

2. Selain itu, pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menambahbaik pelan strategi ketenteraannya, iaitu melalui Strategi Ketenteraan Negara 2.0 (SKN 2.0) yang merupakan reformasi Angkatan Masa Hadapan bercirikan kepada kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak di dua wilayah dan berorientasikan misi. SKN 2.0 adalah dokumen strategi terkini yang relevan, berkesinambungan dan praktikal dalam memastikan ATM sentiasa berada di landasan yang ditetapkan.

3. Pelan penambahbaikan dan modenisasi pertahanan Malaysia merupakan langkah penting dalam mengukuhkan kedaulatan negara. Pelan ini tidak hanya penting untuk tujuan ketenteraan semata-mata, tetapi turut menjaga kestabilan politik, ekonomi, dan sosial negara secara keseluruhan. Dengan memastikan keupayaan pertahanan yang memadai,

SOALAN NO: 32

Malaysia dapat terus maju sebagai negara berdaulat yang berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dan ancaman semasa dan masa depan.

4. Berhubung pencarian kapal MV DAI CAT 06 pula, ianya masih diteruskan oleh pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai agensi peneraju mencari dan menyelamatkan di perairan Malaysia. Sebagai makluman, pihak ATM melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak terlibat secara langsung dalam usaha mencari kapal tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan bersedia mengatur gerak aset-aset TLDM sekiranya diperlukan bagi menyokong operasi APMM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE- 15, DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

**YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT
BUNTAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sikap Kerajaan terhadap
beberapa agamawan yang sering mempertikaikan kewibawaan ulama-ulama
muktabar seperti Imam Shafie, Imam Ghazali dan sebagainya.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menyedari tentang wujudnya mutakhir ini pihak-pihak yang lantang mempertikaikan kewibawaan para ulama khususnya di media-media sosial kerana perbezaan pandangan dan pendapat dalam sesuatu masalah *furu'* (cabang). Tidak terlepas menjadi sasaran termasuklah para ulama-ulama muktabar dan Imam-imam mazhab seperti Imam Shafie.
2. Kerajaan memandang serius terhadap beberapa agamawan yang dilihat sering mempertikaikan kewibawaan ulama' muktabar yang boleh mencetuskan polemik dan menimbulkan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Sungguhpun Islam mengiktiraf kebebasan bersuara dan kebebasan mengemukakan pandangan tetapi ia bukannya secara mutlak. Ia perlu berlaku dalam lingkaran yang dibenarkan dengan meraikan adab dan kerangka disiplin ilmu tertentu.
3. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa agama telah mewajibkan semua pendakwah dan penceramah di Malaysia untuk mendapatkan tauliah mengajar sebelum dibenarkan untuk mengajar atau berceramah.
4. Sekiranya didapati pendakwah tersebut menimbulkan isu-isu yang mengelirukan masyarakat, beliau akan dipanggil untuk diberi peringatan. Seterusnya, pihak berkuasa agama boleh mengambil tindakan terhadap pendakwah tersebut dengan menarik semula tauliah mengajar sekiranya gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, sekiranya didapati pendakwah itu tiada tauliah mengajar, tindakan undang-undang boleh dikenakan di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.
5. Kerajaan turut menggesa agar semua pendakwah berhikmah di dalam menyampaikan dakwah. Bagi tujuan tersebut, pihak JAKIM telah membangunkan Garis Panduan Kod Etika Berdakwah berkaitan Perbandingan Agama. Adab-adab di dalam meraikan perbezaan pendapat

NO. SOALAN : 33

perlu diamalkan bagi mengelakkan sebarang perselisihan pendapat di kalangan pendakwah yang boleh membawa perpecahan.

6. Syariat telah menggariskan prinsip-prinsip serta adab bermuzakarah, berdialog dan berbincang dalam sesuatu perkara. Perbincangan tersebut perlu berteraskan kepada akal yang sihat, pemikiran yang bernas serta berdebatan yang dilakukan dengan sebaik-baiknya. Kesemua ini bertujuan untuk mencari kebenaran, kebaikan dan manfaat kepada manusia seluruhnya.

7. Selain itu, bagi menangani perkara ini, pihak kerajaan sangat komited mendidik masyarakat Islam mengenali tokoh-tokoh Islam ini melalui pelbagai saluran dan cara khususnya melalui TV Hijrah, Radio IKIM dan melalui media sosial. Bukti keseriusan kerajaan MADANI bagi menangani perkara tersebut dapat dilihat pada 4 Julai 2023, di mana YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri telah melancarkan buku “**Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam**”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah peruntukan tahunan yang disalurkan kepada PBT daerah Kota Marudu bagi tujuan pembangunan. Apakah PBT seperti Majlis Daerah Kota Marudu hanya bergantung kepada jumlah pungutan cukai dalam menambah kemudahan infrastruktur dan utiliti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menfokuskan keutamaan pembangunan yang menyumbang kesejahteraan hidup rakyat setempat melalui projek-projek infrastruktur, kemudahan awam, sosioekonomi dan keselamatan di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan peruntukan projek-projek kecil BP.1. Pelaksanaan projek-projek sedemikian adalah berpotensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan aktiviti industri tempatan yang dapat menjana pendapatan tambahan kepada PBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PBT turut memperoleh pendapatan melalui hasil bukan cukai seperti sewaan premis perniagaan dan kemudahan awam selain daripada pungutan cukai taksiran. PBT juga menerima pemberian bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Kementerian telah menyalurkan peruntukan BP.1 berjumlah RM12.3 juta kepada Majlis Daerah Kota Marudu bagi tahun 2021 hingga 2023 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk pelaksanaan sebanyak 101 projek-projek kecil seperti menaik taraf sistem perparitan, pasar tamu dan tandas awam.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT menyalurkan bantuan kewangan kepada semua PBT pada setiap tahun melalui peruntukan Sumbangan Membantu Kadar (SMK), Geran Tahunan Berasaskan Kadar Keseimbangan (GTBKK) dan Bantuan Bil Elektrik Lampu Jalan dan Lampu Isyarat (BE) dan Majlis Daerah Kota Marudu telah menerima peruntukan-peruntukan ini yang berjumlah RM4.82 juta bagi tahun 2021 hingga 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan oleh PDRM atau SPRM ke atas parti pembangkang yang didakwa menerima habuan perjudian semasa mereka dalam Kerajaan untuk kempen pilihan raya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kertas Siasatan kes ini telah diserahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk kajian dan arahan Timbalan Pendakwa Raya berkenaan hasil siasatan dan dikembalikan kepada SPRM untuk tindakan siasatan lanjut. Justeru, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut berdasarkan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Akta 694] yang menyatakan bahawa mana-mana siasatan tersebut hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang sehingga orang tertuduh tersebut dipertuduh di mahkamah. Tindakan ke atas perbuatan jenayah termasuk siasatannya tidak mempunyai apa-apa had masa. Sekian, terima kasih

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah kutipan denda yang diperolehi bagi 5 tahun terakhir iaitu bermula tahun 2017 sehingga 2022 melalui kesalahan yang direkodkan oleh kamera AES ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kutipan denda bagi penguatkuasaan kamera AwAS bermula tahun 2017 sehingga 2022 adalah sebanyak RM55,640,450.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam dan apakah hasil Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebagai inisiatif pembaharuan dalam perkhidmatan awam.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam merupakan salah satu fokus Kerajaan menerusi inisiatif di bawah Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Strategi pelaksanaan Kajian SSPA ini antaranya turut menumpukan kepada aspek peningkatan pendapatan boleh guna penjawat awam yang mana penyelarasan struktur gaji merupakan salah satu inisiatif di bawah strategi tersebut.
2. Strategi tersebut disesuaikan dengan keperluan untuk menyaingi peningkatan kos sara hidup semasa di samping masih bersandarkan kepada prinsip kadar upah atas kerja (*rate for the job*) bagi memastikan peningkatan pendapatan ini turut menyumbang kepada penghasilan tahap produktiviti yang lebih tinggi dalam kalangan penjawat awam.
3. Kajian SSPA dilaksanakan dengan melibatkan sesi libat urus (SLU) merentasi pelbagai peringkat perkhidmatan, gred dan skim perkhidmatan menerusi dapatan portal, SLU Negeri, SLU bersama Ketua Kelompok Perkhidmatan, kesatuan pekerja, pemegang taruh dan pihak berkepentingan. Menerusi portal semakan saraan, iaitu pautan semakansaraan.jpa.gov.my yang telah dilancarkan pada 29 Julai 2023, sejumlah 48,032 responden telah memberikan 126,596 cadangan dan idea baharu bagi meningkatkan kualiti dan kebajikan penjawat awam.
4. Cadangan / idea baharu yang diterima ini seterusnya akan diterjemahkan menerusi penggubalan inisiatif-inisiatif kajian SSPA yang tertumpu kepada pemeraksanaan perkhidmatan awam secara terangkum dan inklusif khususnya di bawah skop pembangunan organisasi, pembangunan bakat dan kemampunan saraan bagi tujuan peningkatan produktiviti penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membuka pejabat KPDN di daerah Kota Marudu atas keperluan pemantauan dan penguatkuasaan memandangkan pejabat terdekat yang ada, terletak di daerah Kudat dan pegawai-pegawai penguatkuasa terpaksa merangkumi kawasan daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas dalam menjalankan tugas.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Seperti YAB sedia maklum tugas pemantauan dan penguatkuasaan di daerah Kota Marudu dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa sedia ada dari KPDN Cawangan Kudat.

Pada ketika ini, kekerapan pemeriksaan dan penguatkuasaan dijalankan di daerah Kota Marudu adalah sebanyak empat (4) kali seminggu. Pada tahun 2023, sebanyak 3,450 pemeriksaan telah dijalankan di daerah Kota Marudu dan jumlah tindakan kes yang dihasilkan berdasarkan akta adalah seperti berikut:

AKTA	JUMLAH KES
Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP)	32
Akta Timbang Dan Sukat 1972 (ATS)	9
Akta Cap Dagangan 2019 (ACD)	2
Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB)	1

Berdasarkan situasi masa kini, KPDN berpandangan tiada keperluan pewujudan pejabat cawangan baharu di Kota Marudu mengambil kira kemampuan pegawai-pegawai di KPDN Cawangan Kudat melaksanakan tugas-tugas pemeriksaan dan pemantauan. Walau bagaimanapun, KPDN sedia mempertimbangkan cadangan ini sekiranya terdapat keperluan yang mendesak pada masa hadapan dan ianya tertakluk kelulusan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK LARRY SOON@LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Keselamatan Siber bagi membendung kegiatan penipuan dalam talian yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 November 2023 telah bersetuju secara prinsip dengan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber bagi memperuntukkan kuasa kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan keselamatan siber. RUU Keselamatan Siber tersebut akan dikuatkuasakan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (NACSA, MKN, JPM).
2. RUU ini digubal untuk meningkatkan keselamatan siber negara dengan memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara, tugas dan kuasa Ketua Eksekutif NACSA serta langkah-langkah untuk pencegahan, pengurusan dan tindak balas terhadap ancaman dan insiden keselamatan siber kepada Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII) dan mengawal selia penyedia perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan.
3. 5 Februari 2024, YB Datuk Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) dan YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-Undang Baharu berkaitan kemudaratan jenayah dalam talian. Inisiatif cadangan penggubalan undang-undang baharu itu adalah bagi menangani isu berkaitan jenayah siber termasuk membendung kegiatan penipuan dalam talian yang semakin berleluasa selain mencerminkan keprihatinan Kerajaan MADANI dalam memastikan keselamatan rakyat di alam siber tidak terancam. RUU ini juga akan dibentangkan di Parlimen Malaysia dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan telah menguatkuasakan dasar pengisytiharan harta dan aset bagi semua anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) berapa jumlah harta dan aset yang telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan-Timbalan Perdana Menteri sekarang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 pada 6 Julai 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bersetuju supaya semua Anggota Pentadbiran mengisytiharkan harta. Walau bagaimanapun, format pengisytiharan harta sedia ada hendaklah ditambahbaik agar maklumat yang diberikan adalah tepat dan telus sebelum pengisytiharan harta dilaksanakan semula.

2. Susulan dari keputusan tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 bersetuju supaya format pengisytiharan harta baharu yang lebih komprehensif disediakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai langkah penambahbaikan.

3. Justeru, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) Siri 2 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2024 telah bersetuju supaya cadangan penambahbaikan format Pengisytiharan Harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen dibawa untuk perbincangan lanjut oleh Jemaah Menteri dalam masa terdekat sebelum format isytihar harta baharu tersebut dapat dikuatkuasakan.

4. Pengisytiharan harta bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dicadangkan akan dikuatkuasakan menggunakan format baharu ini dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SITI AMINAH BINTI ACHING
[BEAUFORT]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang di ambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kebakaran yang sering kali berlaku di daerah Menumbok. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan mini Bomba, memandangkan jarak di antara balai bomba Kuala Penyu ke pekan Menumbok mengambil masa 45 minit dan jumlah penduduk di daerah Menumbok telah bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengambil maklum berhubung keresahan Ahli Yang Berhormat berkaitan kekerapan kes kebakaran yang berlaku di daerah Menumbok. Merujuk kepada statistik kebakaran dan kecemasan yang direkodkan oleh JBPM, didapati bahawa sebanyak **4 kes** panggilan **kebakaran struktur** telah dihadiri bagi tempoh 4 tahun bermula tahun 2020 sehingga 2023 dan sebanyak **8 kes** panggilan **kebakaran belukar** atau lalang turut direkodkan dalam tempoh yang sama. Sementara itu, **panggilan menyelamat** pula mencatatkan jumlah **28 kes** sekaligus menjadikan **jumlah keseluruhan** sepanjang tempoh 4 tahun tersebut hanyalah sebanyak **40 kes panggilan**.

Sebagaimana sedia maklum, pada masa kini terdapat tiga (3) Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang telah ditubuhkan **berhampiran** dengan daerah Menumbok. Senarai PBS tersebut adalah seperti jadual dibawah:

Bil.	Nama PBS	Jarak / Masa	Jumlah Ahli
1.	Kg. Sangkabok	16KM / 23 Minit	30
2.	Kg. Berangkok	24KM / 25 Minit	30
3.	Kg. Mansud	27KM / 28 Minit	30

Justeru itu, pihak Kementerian berpandangan bahawa perluasan dan pemerkasaan komuniti setempat di dalam aktiviti kesukarelawanan

SOALAN NO: 41

merupakan langkah paling kos efektif pada masa sekarang untuk menangani risiko sedia ada di daerah Menumbok. Oleh yang demikian, Kementerian melalui sokongan Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan pelaksanaan program sukarelawan komuniti serta penubuhan pasukan sukarelawan di lokaliti atau kawasan yang berada di luar capaian perkhidmatan kebombaan khususnya di daerah Menumbok.

Pada masa yang sama, aspek kesedaran pembudayaan amalan keselamatan di kalangan komuniti juga akan terus dipertingkat dengan melaksanakan kempen kesedaran keselamatan kebakaran melalui Program 1 Rumah Satu Alat Pemadam Api (1RAPI), Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI) dan latihan pengukuhan pencegahan kebakaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa terbuka dalam mendengar cadangan berhubung pembinaan balai bomba di daerah Menumbok, Negeri Sabah. Berdasarkan markah risiko kebakaran yang diperolehi melalui Kajian Risiko Kebakaran (*Fire Cover*), Kementerian mendapati bahawa **markah risiko** yang diperolehi kawasan Menumbok adalah sebanyak **8** yang boleh diklasifikasikan sebagai kawasan mempunyai risiko kebakaran tetapi dalam kategori yang amat rendah dan keperluan bagi menempatkan fasiliti kebombaan yang baharu adalah kurang mendesak. Namun begitu, Kementerian melalui JBPM akan sentiasa memantau dan membuat kajian keperluan pembinaan balai bomba dari semasa ke semasa berdasarkan faktor risiko yang disebabkan oleh pemekatan pembangunan di daerah Menumbok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN ABD
MUTTALIB [MARAN]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN ABD MUTTALIB [MARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah memuktamadkan keputusan untuk tidak lagi memberi skim pencen kepada penjawat awam bermula Februari 2024 serta apakah kesannya kepada negara pada masa akan datang.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang meneliti kaedah baharu lantikan tetap untuk menggantikan skim pencen sedia ada memandangkan implikasi kewangan terhadap tanggungan faedah persaraan yang semakin meningkat setiap tahun. Jumlah perbelanjaan faedah persaraan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM32.01 bilion dan ianya dijangka akan mencecah sebanyak RM46.36 bilion pada tahun 2023.
2. Kenyataan bahawa keputusan untuk tidak lagi memberi skim pencen kepada penjawat awam bermula Februari 2024 adalah tidak benar memandangkan kajian mengenai perkara ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Hanya penjawat awam lantikan baharu sahaja yang akan terkesan dengan kajian ini, manakala penjawat awam sedia ada yang berstatus tetap dan berpencen masih akan menikmati pencen apabila tiba saat persaraan mereka kelak. Untuk tujuan peralihan kepada kaedah lantikan baharu ini, pelaksanaan lantikan secara kontrak (interim) telah dibuat bermula pada bulan Februari 2024, sementara menanti kaedah baharu tersebut dimuktamadkan.
3. Sekiranya kaedah baharu lantikan tetap ini dilaksanakan, ia akan dapat memberi penjimatan kepada Kerajaan daripada segi tanggungan pencen dalam tempoh jangka panjang di samping mengurangkan beban fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN
MOHD DELI [JEMPOL]**

TARIKH JAWAB : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cabaran kerajaan dalam usaha membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Sewaan Kediaman (RTA) bagi tujuan melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman yang ketika ini hanya dilindungi Akta Kontrak 1950.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Akta Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA) digubal bagi **melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman**, yang ketika ini hanya dilindungi melalui Akta Kontrak 1950 [Akta 136] yang bersifat umum dan tidak komprehensif. Cadangan penggubalan RTA telah pun **dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021** dan telah **mendapat kelulusan prinsip** untuk penggubalan Rang Undang-undang (RUU) RTA.

Bagi tujuan penggubalan RUU RTA ini, KPKT akan **meneruskan sesi libat urus ini bersama Kerajaan Negeri** bagi memuktamadkan draf RUU ini khususnya aspek pelaksanaan dan pentadbiran Akta. Maklum balas dan pandangan yang diterima hasil libat urus ini akan diambilkira dalam menambahbaik draf RUU ini agar kepentingan semua pihak terpelihara dan diberikan perhatian sewajarnya.

Penggubalan RUU RTA ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi menggalakkan **sewaan kediaman sebagai alternatif kepada pemilikan rumah** seperti yang diumumkan melalui Kajian Separuh Penggal (KSP), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Ia jua adalah selari dengan saranan Bank Negara Malaysia bahawa Kerajaan perlu **menambahbaik sektor sewaan melalui pengukuhan aspek perundangan**. RUU RTA ini dilihat mampu merencanakan sektor sewaan dengan **mengimbangkan hak-hak dan kewajipan kediaman dan penyewa tanpa melibatkan elemen kawalan terhadap kadar sewaan**. Ia turut menyediakan **penyelesaian pertikaian yang murah dan efisien** kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian.

Antara cabaran dalam usaha menggubal RUU RTA ini adalah bagi mencari kesepakatan dan mengimbangkan peruntukan-peruntukan dalam RUU RTA agar bersifat neutral, adil dan saksama serta memelihara hak dan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam aktiviti sewaan kediaman. Bagi mencapai objektif ini, KPKT telah melaksanakan banyak sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), badan profesional hartanah, pihak swasta dan pemaju daripada semasa ke semasa. Selain itu, KPKT turut mengadakan sesi konsultasi awam bagi mendapatkan input dan maklumbalas berhubung peruntukan-peruntukan dalam RUU RTA ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGGALAN CHEPA]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGGALAN CHEPA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai pengumuman Perdana Menteri untuk menyerahkan semula aset-aset Lembaga Tabung Haji (TH) yang pernah dipindah milik kepada Syarikat Tujuan Khas (SPV) Urus Harta Jemaah Sendirian Berhad (UJSB) sebelum ini dan bilakah tarikh yang dimuktamadkan serta namakan aset-aset yang terlibat dengan pengumuman berkenaan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan pada tahun 2018 terpaksa melaksanakan pelan pemulihan dan penstrukturan LTH kerana pada masa tersebut Tabung Haji (TH) berisiko menghadapi krisis kecairan yang boleh membawa implikasi terhadap kestabilan sistem kewangan negara.

2. Antara punca utama kepada krisis ini ialah terdapat jurang defisit antara aset dan liabiliti TH sebanyak kira-kira RM10 bilion (aset: RM65 bilion & liabiliti: RM75 bilion) di mana keadaan ini menyebabkan TH tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah kepada pendeposit.
3. Oleh yang demikian, melalui pelan pemulihan tersebut, Kerajaan melalui UJSB telah diberi amanah untuk mengoptimumkan nilai realisasi aset melalui penambahbaikan nilai hartanah serta penzahiran nilai saham yang dimiliki TH sebelumnya. Aset TH yang telah diambil alih dengan nilai RM19.9 bilion walaupun nilai semasa pada waktu tersebut sebenarnya adalah sebanyak RM9.7 bilion.
4. Memandangkan masih terdapat jurang yang besar di antara nilai perpindahan aset dengan nilai semasa, Kerajaan sedang meneliti penyelesaian terbaik yang akan memberi faedah kepada semua pihak.
5. Dalam urusan pemindahan semula aset yang berada dibawah Urusharta Jamaah Sdn Bhd kepada Tabung Haji, dua perkara ini perlu diambilkira iaitu:
 - i. Memastikan kepentingan pihak pendeposit Tabung Haji terpelihara;
 - ii. Memastikan kepentingan pihak Kerajaan juga terpelihara.
6. Perkara ini masih dalam peringkat awal yang perlu diteliti dengan lebih mendalam dan ia perlu melalui proses tadbir urus dan tatakelola sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan yang boleh diusahamakan oleh pihak Kementerian selepas Kerajaan Negeri Sarawak mengambil alih operasi penerbangan MASWings. Adakah di peringkat Kementerian akan memperuntukkan sejumlah pembiayaan sebagai subsidi untuk MASWings melaksanakan operasi syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang disediakan oleh Kerajaan di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah dan merupakan mod pengangkutan utama untuk penduduk di kawasan tersebut. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan subsidi tahunan sebanyak RM209 juta bagi menampung kos operasi dan sewa pajakan pesawat untuk perkhidmatan ini.
2. Walaupun selepas Kerajaan Negeri Sarawak mengambil alih operasi penerbangan MASWings kelak, Kementerian Pengangkutan akan meneruskan pemberian subsidi Kerajaan Persekutuan kepada syarikat yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri iaitu MASWings bagi membolehkan perkhidmatan RAS terus dinikmati oleh penduduk di pedalaman Sarawak dan Sabah.
3. Komitmen ini telah dizahirkan melalui Belanjawan MADANI 2024 yang telah diumumkan pada 20 Oktober 2023 oleh YAB Perdana Menteri melalui Program Keenam di bawah Agenda Kedua: Kemajuan Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan memutuskan untuk meneruskan subsidi perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services - RAS*) sebanyak RM209 juta bagi tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membuka Terminal Bersepadu Gombak bagi perjalanan bas ekspres ke Pantai Timur terutama ke Jerantut bagi mengurangkan waktu perjalanan hampir sejam pada waktu sesak jika menggunakan TBS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Terminal Bersepadu Gombak (TBG) kini dalam peringkat akhir untuk disiapkan dan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun ini. Ketika ini proses pemeriksaan akhir oleh pihak berkuasa yang terlibat bagi mendapatkan sijil perakuan penyiapan dan pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance-CCC*) sedang dilaksanakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini adalah di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dengan pemantauan Jabatan Kerja Raya (JKR) sehingga projek ini disiapkan sebelum diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk kawal selia operasinya.

3. Apabila terminal ini sudah beroperasi sudah tentu ia akan memendekkan lagi perjalanan pergerakan bas dari Lembah Klang untuk ke tol Gombak bagi perjalanan ke Pantai Timur. Kementerian Pengangkutan akan memastikan tahap perkhidmatan yang terbaik disediakan di Terminal Bersepadu Gombak (TBG) ini di mana peraturan pelesenan terminal yang telah diwartakan baru-baru ini akan menjadi medium untuk pihak berkuasa yang dilantik iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memantau kelancaran operasi di semua terminal bas di negara ini termasuk di Terminal Bersepadu Gombak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Kod Sukan Selamat ke arah mewujudkan persekitaran sukan yang selamat dan sihat di setiap peringkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenalan Kod Sukan Selamat bermula pada bulan Mac 2023 merupakan langkah pertama pihak Kerajaan dalam usaha memastikan seluruh komuniti sukan bebas daripada segala bentuk penderaan dan gangguan dalam sukan.

Kejayaan pelaksanaan perkara-perkara yang termaktub di bawah Kod Sukan Selamat memerlukan kesepaduan usaha daripada pelbagai pihak termasuk badan kerajaan, badan bukan kerajaan, syarikat dan individu. Sehingga 31 Januari 2024, seramai 1,322 orang wakil daripada badan sukan kebangsaan dan negeri, agensi kerajaan, atlet dan pegawai sukan telah menandatangani perakuan sokongan terhadap Kod

SOALAN NO : 47

Sukan Selamat. Sepanjang tahun 2024, KBS akan melaksanakan 28 buah program kesedaran di seluruh negara bagi memberi kefahaman dan pengetahuan kepada semua pemegang taruh berkaitan elemen sukan selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah utama yang diambil KBS bagi memastikan pelaksanaan Kod ini berjalan dengan teratur ialah dengan melantik *safeguarding officer* untuk menguruskan aduan serta memberi khidmat nasihat kepada atlet-atlet yang berkaitan. Sebagai tambahan kepada Kod Sukan Selamat, KBS melalui Institut Sukan Negara (ISN) menawarkan Kursus Sukan Selamat secara percuma untuk membantu semua pemegang taruh yang terlibat dalam sukan untuk lebih memahami dan melaksanakan perkara yang termaktub di dalam kod. Modul ini akan dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam Skim Pelesenan Kejurulatihan Kebangsaan (SLKK) dan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) yang dikendalikan oleh ISN. Sehingga kini seramai 500 orang jurulatih telah menyertai kursus ini.

KBS berharap pelaksanaan Kod ini mendapat sokongan menyeluruh masyarakat bagi memastikan hak dan kebajikan atlet serta komuniti sukan sentiasa dilindungi. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) inisiatif untuk memberi akses data *Defense Geospatial Information Management* (DGIM) berkaitan bencana kepada awam; dan
- (b) perancangan termasuk penyaluran dana bagi Program *Community-based Disaster Risk Management* (CBDRM), untuk mendidik dan memberi latihan kepada masyarakat sebagai persediaan asas selaku *initial-responder* ketika bencana.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Akses data *Defense Geospatial Information Management* (DGIM)
berkaitan bencana kepada awam

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menggunakan platform *Defence Geospatial Information Management* (DGIM) yang dibangunkan bersama dengan Bahagian Geospatial Pertahanan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).
2. Platform ini merupakan pengintegrasian data *spatial* dalam aplikasi *Geographic Information System* (GIS) merentasi pelbagai kementerian dan agensi yang berupaya untuk mewujudkan *Joint Common Operating Picture* (JCOP) bagi tujuan pengurusan bencana. Ia juga akan berfungsi sebagai pangkalan data berpusat terbuka (*open centralized database*).
3. Di antara agensi yang telah berintegrasi dengan platform tersebut adalah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). JCOP beroperasi 24 jam di Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) di bawah NADMA bagi membolehkan maklumat terkini dan tepat mengenai kejadian dan situasi bencana di sesuatu lokasi dipantau dan diperolehi.
4. Pada masa kini, akses kepada data yang terdapat di dalam DGIM tidak boleh diakses oleh orang awam memandangkan sistem tersebut adalah hak milik JUPEM serta atas faktor keselamatan. Meskipun begitu, orang awam masih lagi boleh mendapat maklumat

penting seperti amaran dan situasi bencana semasa melalui Portal Bencana yang disediakan oleh pihak NADMA serta lain-lain agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana.

Perancangan termasuk penyaluran dana bagi Program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM)

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sebagai makluman, NADMA tidak memberikan sebarang geran atau dana khusus bagi melaksanakan program kesedaran bencana atau dengan izin program *Community Based Disaster Risk Management* (CBDRM), memandangkan agensi-agensi Kerajaan yang melaksanakan program ini menggunakan peruntukan sedia ada masing-masing, manakala badan bukan kerajaan (NGO) pula bergerak atas kapasiti dan kemampuan sendiri melalui sumbangan dana yang diterima daripada ahli-ahli, orang perseorangan dan tajaan badan korporat.
6. Namun, NADMA telah menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) serta tidak ketinggalan juga Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta dan NGO. Kerjasama ini dilaksanakan dalam bentuk perkongsian sumber seperti memberi khidmat nasihat serta tenaga pengajar dan jurulatih bagi melaksanakan program CBDRM di lapangan.
7. Program kerjasama strategik ini telah dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat mengenai mekanisme pengurusan bencana negara serta membina kapasiti komuniti dalam menghadapi bencana di kawasan mereka. Antara lain, peserta telah didedahkan dengan beberapa teknik menyelamatkan diri melalui aktiviti Keyakinan di Air Deras (*Swift Water Confidence*) serta Asas Pertolongan Cemas dan Bantuan Pernafasan (CPR) sebagai persediaan asas kepada masyarakat

NO. SOALAN: 48

untuk bertindak sebagai *initial-responder* ketika berlakunya bencana.

8. Di samping itu, platform DGIM yang dibangun bersama dengan Bahagian Geospatial Pertahanan, JUPEM seperti yang dimaklumkan sebelum ini, telah mewujudkan satu (1) platform tambahan bagi kegunaan NGO dalam memberikan maklumat kepada Agensi Kerajaan dan koordinasi sesama mereka bagi tujuan pengurusan bencana.
9. Sehingga 31 Disember 2023, seramai 37,488 orang peserta dari pelbagai lapisan masyarakat telah terlibat dalam pelbagai program kesedaran bencana atau program CBDRM di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
(TUMPAT)**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan insentif yang sesuai dan mendapat keistimewaan untuk pegawai yang ditauliah setelah mereka selesai menamatkan kursus selama 3 tahun PALAPES agar dapat diserap ke_dalam perkhidmatan tetap sebagai tentera dalam skim khas tanpa perlu menjalani Latihan Wajib 9 bulan sebagaimana Pegawai Graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa memberi peluang dan menggalakkan penyertaan belia dan remaja untuk mempertahankan negara dengan menyertai perkhidmatan ATM. Pada masa ini, pihak ATM tidak berhasrat untuk memberikan insentif atau keistimewaan kepada pegawai-pegawai sukarela yang telah ditauliah dalam Kor Askar Wataniah setelah menamatkan kursus selama 3 tahun di PALAPES agar dapat diserap ke dalam perkhidmatan tetap sebagai tentera dalam skim khas tanpa perlu menjalani Latihan Wajib 9 bulan sebagaimana Pegawai Graduan.

2. Perkara ini adalah berpandukan kepada peraturan pengambilan Pegawai ATM seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Angkatan

SOALAN NO: 49

Tentera 1972 (Akta AT 1972) dan Peraturan-peraturan Angkatan Tentera 2013 (PPAT 2013 - Terma-terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap).

3. Merujuk kepada dasar sedia ada iaitu Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bilangan 1 Tahun 2019, setiap calon yang hendak memasuki Perkhidmatan Pegawai Angkatan Tetap ATM mestilah terdiri daripada Warganegara Malaysia dan memenuhi Syarat-Syarat Asas Pengambilan Pegawai Angkatan Tetap ATM dan hendaklah melalui Ujian Pemilihan Kemasukan seperti yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Yang Layak.

4. Justeru, semua calon Pegawai Sukarela (PALAPES) perlulah melalui proses permohonan dan pemilihan seperti biasa sebagaimana calon dari universiti awam/swasta lain yang bukan PALAPES dan perlu menjalani latihan asas Pegawai Kadet Lepas Ijazah (Graduan) selama 9 bulan di pusat-pusat latihan perkhidmatan. Dasar sedia ada tidak menyediakan laluan pintas bagi graduan PALAPES untuk memasuki perkhidmatan Angkatan Tetap ATM.

5. Walau bagaimanapun, Pegawai Angkatan Sukarela yang memenuhi Syarat Asas Pengambilan Pegawai Angkatan Tetap ATM boleh memohon untuk dikerah berkhidmat sepenuh masa dan diserap berkhidmat dalam Angkatan Tetap ATM tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Angkatan Tentera (MAT) dari semasa ke semasa dan dikurniakan Tauliah Jangka Pendek (TJP) dalam Senarai Tugas Am mengikut Rejimen, Kor dan Cawangan sama ada perkhidmatan Darat, Laut atau Udara atas syor MAT tertakluk kepada perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah pas media bagi agensi berita luar negara seperti berikut:

- (a) Pas yang diluluskan setiap tahun semenjak 1998 dan jumlah warganegara dan bukan warganegara yang memperolehi pas tersebut; dan
- (b) Sama ada Kementerian akan melanjutkan tempoh pas ke dua tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah memperkenalkan Kad Perakuan Media (KPM) JaPen sebagai dokumen pengenalan diri pengamal/wakil media daripada agensi/syarikat media yang telah didaftarkan secara sah (*bona fide*) untuk membuat liputan berita ehwal semasa dan acara-acara rasmi kerajaan. Permohonan tersebut boleh dibuat secara dalam talian melalui pautan <https://emedia.penerangan.gov.my/> dan agensi media yang baharu ditubuhkan perlulah berdaftar dengan JaPen terlebih dahulu sebelum membuat permohonan bagi mendapatkan KPM JaPen.

JaPen hanya mempunyai rekod pengeluaran KPM mulai tahun 2020. Berdasarkan kepada rekod tersebut, jumlah KPM yang diluluskan kepada pengamal media antarabangsa adalah seramai 369 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 188 orang pengamal media bertaraf warganegara dan 181 orang pengamal media bertaraf bukan warganegara.

JaPen telah mengumumkan melalui satu siaran media bertarikh 7 Mac 2024 mengenai pengemaskinian tempoh sah laku baru KPM. Bagi media antarabangsa, tempoh sah laku KPM bagi pengamal media bertaraf warganegara telah dilanjutkan daripada satu tahun kepada dua tahun manakala tempoh sah laku KPM bagi pengamal media bertaraf bukan warganegara kekal satu tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah rumah siap dibina tetapi tidak mampu dijual di Kuala Lumpur bermula tahun 2014 sehingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, industri perumahan merupakan industri yang dinamik, kompetitif dan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan. Namun, ia turut menghadapi pelbagai isu termasuklah masalah lambakan rumah siap dibina tidak terjual (*overhang*). Masalah ini adalah **manifestasi isu ketidaksepadanan (*mismatch*) dalam pasaran perumahan** yang disebabkan oleh wujud **jurang permintaan dan penawaran rumah** dalam pasaran.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre, NAPIC*), bagi **data awalan suku ketiga tahun 2023 (Q3, 2023)**, bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual adalah sebanyak **25,311 unit** dengan nilai RM17.4

SOALAN NO: 51

bilion, iaitu bersamaan dengan **19.4%** berbanding bilangan unit rumah yang dilancar sebanyak 130,753 unit **di seluruh negara**.

Bagi **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)**, NAPIC telah melaporkan jumlah rumah siap dibina tetapi tidak mampu dijual bermula tahun 2014 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	KEDIAMAN SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL DI WPKL (UNIT)	NILAI DI WPKL (RM JUTA)	NILAI KESELURUHAN (RM JUTA)	PERATUS (%)
2014	746	585.57	3,300	17.74
2015	479	496.26	5,000	9.93
2016	717	1,135.12	8,600	13.20
2017	929	1,230.23	15,600	7.89
2018	2,769	2,680.70	19,900	13.47
2019	2,605	2,600.25	18,800	13.83
2020	3,023	2,915.02	18,900	15.42
2021	3,908	3,166.05	22,800	13.89
2022	3,429	3,149.19	18,400	17.12
2023	3,111	3,318.81	17,400	19.07

Walau bagaimanapun, bagi maklumat untuk tahun 2024, NAPIC masih dalam proses pengemaskinian dan semakan data sebelum laporan berkala secara sukuan tahun dikeluarkan oleh pihak NAPIC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah keputusan Kerajaan mulai 1 Februari tahun ini melaksanakan peraturan baru bahawa semua pelantikan baru ke perkhidmatan awam Malaysia secara kontrak tidak lagi lantikan tetap, adakah keputusan itu tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah baharu lantikan iaitu secara Lantikan Kontrak (Interim) hanya merupakan langkah sementara yang diguna pakai sementara menunggu kaedah baharu lantikan tetap pegawai perkhidmatan awam dimuktamadkan. Kaedah lantikan baharu yang sedang dikaji ini akan dipastikan mempunyai struktur saraan meliputi gaji, elaun dan kemudahan yang bakal diterima adalah sama dan setara sebagaimana pegawai lantikan tetap dan berpencen sedia ada.
2. Kajian ini juga mengambil kira sudut perundangan, supaya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hak pencen di bawah Perkara 147 kepada semua pegawai awam sedia ada sekarang, yang berstatus tetap dan berpencen. Pelantikan pegawai awam baharu yang akan memasuki perkhidmatan awam akan dibuat secara tetap dan bercarum, pada tabung caruman yang akan ditentukan kemudian, serta akan dipastikan tidak merugikan pegawai baharu ini jika dibandingkan dengan *senior* mereka dalam skim perkhidmatan yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai pengisytiharan harta Perdana Menteri dan juga Menteri Kabinet yang masih belum dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 pada 6 Julai 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bersetuju supaya semua Anggota Pentadbiran mengisytiharkan harta. Walau bagaimanapun, format pengisytiharan harta sedia ada hendaklah ditambahbaik agar maklumat yang diberikan adalah tepat dan telus sebelum pengisytiharan harta dilaksanakan semula.

2. Susulan dari keputusan tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 bersetuju supaya format pengisytiharan harta baharu yang lebih komprehensif disediakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai langkah penambahbaikan.

3. Justeru, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) Siri 2 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2024 telah bersetuju supaya cadangan penambahbaikan format Pengisytiharan Harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen dibawa untuk perbincangan lanjut oleh Jemaah Menteri dalam masa terdekat sebelum format isytihar harta baharu tersebut dapat dikuatkuasakan.

4. Pengisytiharan harta bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dicadangkan akan dikuatkuasakan menggunakan format baharu ini dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cadangan pembentangan penuh kajian kebolehlaksanaan projek Lapangan Terbang Kulim KXP oleh National Airports Strategic Plan (NASP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini Kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) sedang dimuktamadkan dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Sehubungan itu pembentangan penuh dapatan kajian berkaitan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dijangka boleh diadakan pada awal tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan jangka masa panjang Kementerian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di bandar-bandar besar di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang sedia maklum, perancangan Kementerian Pengangkutan dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di bandar-bandar besar seluruh negara dibincangkan di bawah platform Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesesakan Jalan Raya (JKMKJR). Jawatankuasa ini telah ditubuhkan melalui Memorandum Jemaah Menteri yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Julai 2023. Penubuhan jawatankuasa adalah bertujuan untuk merangka strategi/ inisiatif bagi mengurangkan kesesakan jalan raya selain daripada membincangkan inisiatif ke arah meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya. Mesyuarat JKMKJR telah bersidang sebanyak 2 kali untuk tahun 2023 iaitu pada 2 Mei 2023 dan 12 Oktober 2023.

2. Beberapa Kementerian utama seperti Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi (KE) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta ahli pakar dari universiti-universiti tempatan telah dilibatkan dalam JKMKJR bagi merancang pembangunan pengangkutan awam negara sebagai salah satu inisiatif utama bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan seterusnya meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya.

3. Bagi memudahkan penyelarasan dan pengurusan secara holistik Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesesakan Jalan Raya (JKMKJR) telah digabungkan dengan Jawatankuasa Kabinet Keselamatan Jalan Raya (JK-KJR).

4. Terdapat beberapa inisiatif *quick-win* yang telah dilaksanakan dalam mengurangkan kesesakan jalan raya melalui fasa pertama yang berfokus kepada Lembah Klang iaitu:

NO. SOALAN: 55

- i. Pelaksanaan percubaan laluan khas bas di Jalan Ampang pada waktu puncak pagi yang telah mula beroperasi pada 3 Julai 2023. Inisiatif ini telah berjaya mengurangkan masa perjalanan bas sebanyak 12-18 minit berbanding sebelum pelaksanaan yang mengambil masa sehingga 76 minit untuk perjalanan dari point A ke point B;
 - ii. Data trafik Jalan Ampang juga menunjukkan penurunan bilangan kenderaan di sepanjang Jalan Ampang (waktu puncak pagi). Sebelum pelaksanaan, jumlah trafik di Jalan Ampang di waktu puncak pada bulan Jun 2023 adalah sebanyak 326,355 buah kenderaan. Manakala, setelah pelaksanaan laluan khas bas, jumlah trafik menunjukkan pengurangan kepada 168,966 buah kenderaan pada Januari 2024. Ini menunjukkan pengurangan bilangan kenderaan sebanyak 48% di Jalan Ampang pada waktu puncak pagi;
 - iii. Perluasan pelaksanaan laluan kontra di beberapa lebuh raya utama telah dikaji. Kajian persepsi pengguna bagi laluan kontra (*tidal flow*) yang dilaksanakan oleh pihak MIROS menunjukkan bahawa sebanyak 87.8% pengguna jalan raya yang menggunakan laluan kontra bersetuju bahawa laluan kontra membantu dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas; dan
 - iv. MIROS juga telah membangunkan Garis Panduan *Tidal Flow* pada Oktober 2023 untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada mana-mana syarikat konsesi lebuh raya yang berhasrat untuk melaksanakan tidal flow di lebuh raya masing-masing.
5. Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai perkhidmatan yang penting kepada rakyat sama ada di Lembah Klang, bandar-bandar utama atau di luar bandar. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 1,200 buah bas berhenti-henti yang beroperasi setiap hari di lebih 400 laluan di seluruh Lembah Kelang merangkumi perkhidmatan RapidKL, Go-KL, Smart Selangor

dan beberapa syarikat pengendali swasta dengan kekerapan waktu puncak di antara 10 minit ke 30 minit bergantung kepada laluan.

6. Perkhidmatan bas ini menghubungkan kawasan residensi ke pusat bandar dan stesen-stesen rel bagi memudahkan pergerakan penduduk Lembah Klang. Selain itu, sebanyak 15 laluan perkhidmatan bas percuma Go-KL juga telah disediakan di Kuala Lumpur. Ianya melibatkan 4 laluan *last mile* dan 11 laluan *first mile*. Sebanyak 406 perhentian bas terlibat dengan laluan-laluan Go-KL yang membantu menghubungkan penumpang ke tempat-tempat tumpuan di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur.

7. Perkhidmatan teksi dan e-hailing iaitu tempahan kenderaan secara atas talian juga merupakan pelengkap kepada jaringan pengangkutan awam dari segi perjalanan batuan pertama dan akhir. Penumpang boleh menggunakan perkhidmatan teksi dan e-hailing sama ada sebagai pergerakan jarak dekat, jarak jauh ataupun pengantara sahaja. Sesuai dengan arus perubahan teknologi semasa, perkhidmatan e-hailing mempunyai liputan lebih meluas dan dapat memenuhi permintaan pelanggan dengan lebih baik berbanding kaedah tradisional (tahanan tepi jalan atau di pengkalan).

8. Kerajaan juga dalam kerangka untuk melesenkan perkhidmatan '*bus on demand*' sebagai satu alternatif dan pilihan kepada pengguna sesuai dengan gaya hidup dan keperluan masa masing-masing yang berbeza-beza. Buat masa ini perkhidmatan tersebut dalam tempoh *Proof of Concept* (POC) sehingga 31 Ogos 2024. Secara keseluruhannya, kepelbagaian alternatif pengangkutan awam ini akan dapat memenuhi tuntutan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien dan boleh diharap.

9. Kerajaan melalui Belanjawan 2024 juga telah meneruskan pelaksanaan subsidi pas perjalanan yang kini dikenali sebagai program pas perjalanan tanpa had My50 bagi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam rel dan bas. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, bagi setiap pembelian pas My50 berjumlah RM50, Kerajaan menampung subsidi sebanyak RM100 bagi

perkhidmatan rel dan bas di bawah kendalian Prasarana Malaysia Berhad.

10. Bagi pengangkutan rel yang dikendalikan oleh KTMB, penaiktarafan landasan di Lembah Klang bagi Fasa 1 dan Fasa 2 sedang giat dilaksanakan. Selain itu, antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah meningkatkan kekerapan waktu perkhidmatan tren seperti penggunaan tiga (3) set *Electric Multiple Units* (EMU) bagi meningkatkan kekerapan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara, melanjutkan Perkhidmatan KTM Komuter bagi laluan Butterworth ke Padang Rengas sehingga ke Ipoh, perolehan 10 set *Electric Train Set* (ETS) baharu yang dijangka akan digunakan secara berperingkat mulai bulan Disember 2024 dan perolehan 12 set EMU baharu 3-koc untuk menambahkan kekerapan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara.

11. Ringkasnya, hasrat kerajaan bagi tempoh jangka masa panjang adalah memperkukuhkan lagi perancangan pembangunan pengangkutan awam di seluruh negara dengan kerjasama semua pihak berkepentingan melalui konsep *Transit Oriented Development* (TOD) serta pelaksanaan strategi *push-measures* bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam menjelang 2030.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASAN BIN SAAD
[BALING]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Hasan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan mendepani isu Laut Merah terhadap keselamatan kapal-kapal Malaysia yang terjejas akibat sekatan yang dilakukan oleh Houthi Yaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat dan hebahan yang dibuat oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) kepada Negara Anggota IMO mengenai situasi di Laut Merah, sejak 19 November 2023, Sekretariat IMO telah merekodkan sejumlah 27 insiden termasuk tindakan pelanunan terhadap kapal antarabangsa yang melintasi Laut Merah dan Teluk Aden. Sehingga kini, tiada kapal dengan bendera Malaysia terlibat dalam sebarang insiden di kawasan tersebut.

2. Bagi menangani isu keselamatan perkapalan di kawasan perairan tersebut, IMO dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menghebahkan satu Resolusi 2722 (2024) bertarikh 10 Januari 2024 kepada Negara Anggota IMO yang menggariskan antara lainnya perkara-perkara berikut:

- 2.1 menggalakkan Negara Anggota IMO supaya menyokong usaha pembangunan kapasiti (*capacity building*) bagi *Yemeni Coast Guard* untuk melaksanakan secara berkesan langkah-langkah yang dikenakan seperti di perenggan 14, Resolusi 2216 (2015) sebagai langkah untuk memelihara kedaulatan wilayah Yaman;
- 2.2 menggalakkan supaya Negara Anggota IMO terus membina dan mengukuhkan kapasiti mereka bagi menyokong pembangunan negara pesisir di kawasan Laut Merah dan Selat Al-Mandeb untuk mengukuhkan keselamatan maritim termasuklah bantuan teknikal yang sewajarnya melalui pihak PBB; dan
- 2.3 menggesa supaya Negara Anggota IMO lebih berhati-hati dan mengelakkan sebarang perkara yang boleh menyebabkan tercetusnya situasi yang lebih tegang di Wilayah Laut Merah selain menggalakkan usaha diplomatik

yang lebih berkesan secara berterusan dengan sokongan daripada PBB.

3. Dalam hubungan ini, kapal-kapal Malaysia juga telah digesa untuk melaksanakan penilaian risiko dan ancaman keselamatan yang menyeluruh berdasarkan dokumen BMP 5 (*Best Management Practices to Deter Piracy and Enhance Maritime Security in the Red Sea, Gulf of Aden, Indian Ocean and Arabian Sea*) yang dikeluarkan pada Jun 2018. Selain itu, semua kapal bendera Malaysia dan bukan bendera Malaysia milik syarikat tempatan digesa supaya mengambil langkah-langkah keselamatan yang diperlukan ketika berada/melintasi kawasan tersebut serta melaporkan dengan segera kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) sekiranya terlibat dengan sebarang insiden supaya tindakan segera dapat diambil oleh pihak Kerajaan.

4. Kerajaan melalui Kementerian/Agensi termasuk Kementerian Pengangkutan akan terus memantau situasi keselamatan di Laut Merah, Selat Al-Mandeb dan Teluk Aden kerana ianya juga merupakan laluan kapal dagang termasuk kapal-kapal milik Malaysia dengan bendera Malaysia dan kapal milik Malaysia yang bukan bendera Malaysia. Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian berdasarkan situasi keselamatan semasa di kawasan kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap pemimpin negara dan individu yang disenaraikan dalam siasatan Kertas Pandora setakat ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak secara profesional mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan bebas menjalankan siasatan tanpa sebarang campur tangan atau pengaruh daripada pihak luar. Kesemua senarai nama yang dinyatakan di dalam *Pandora Papers* sedang dalam siasatan SPRM dimana terdapat juga siasatan yang tidak diketahui umum, walau bagaimanapun SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut selaras dengan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Akta 694] yang menyatakan bahawa mana-mana siasatan tersebut hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang sehingga orang tertuduh tersebut dipertuduh di mahkamah.

2. Satu pasukan khas juga telah ditubuhkan di mana dikoordinasikan oleh Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) merangkumi Polis Diraja Malaysia (PDRM), SPRM, Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan *Labuan Financial Services Authority* (FSA) yang bertujuan untuk menganalisis identiti yang tersenarai dalam pendedahan *Pandora Papers* oleh *International Consortium of Investigation Journalist* (ICIJ).

3. Setakat ini SPRM telah menuduh seorang individu berkaitan kes *Pandora Papers* di mahkamah atas kesalahan di bawah seksyen 36 Akta SPRM 2009 [Akta 694].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Program Pembangunan Asnaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah dilancarkan pada tahun 2022, berapa bilangan peserta yang telah terlibat sehingga tahun 2023.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua

Sempena Sambutan Jubli Emas 50 tahun MAIWP pada tahun ini MAIWP telah berjaya menoktahkan kemiskinan tegar di Wilayah-Wilayah Persekutuan dengan pelbagai inisiatif dan skim bantuan yang ditawarkan oleh MAIWP.

1. Bermula 2022 hingga 2023, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi aktiviti pembangunan asnaf yang meliputi 4 program utama seperti berikut:

- a. Program Pembangunan Usahawan;
- b. Program Latihan dan Kerjaya;
- c. Program Agro (Pertanian Bandar); dan
- d. Program Kerohanian.

2. Untuk **Program Pembangunan Usahawan**, bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2022 adalah seramai 1,715 orang asnaf yang terdiri daripada 1,342 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 373 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Sebanyak 23 buah Program berkaitan dengan Pembangunan Usahawan Asnaf MAIWP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 iaitu 15 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 8 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

4. Seterusnya, bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2023 dalam program-program Pembangunan asnaf yang dianjurkan oleh MAIWP adalah seramai 2,885 orang asnaf yang terdiri daripada 2,393 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 492 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Sebanyak 35 buah Program berkaitan dengan Pembangunan Usahawan Asnaf MAIWP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 iaitu 29 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 9 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.
6. Sepanjang tahun 2022 dan 2023, sebanyak 58 buah program Pembangunan asnaf telah dianjurkan oleh MAIWP yang telah melibatkan penyertaan seramai 4,600 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
7. Program-program Pembangunan Usahawan Asnaf ini telah dilaksanakan oleh MAIWP dengan kerjasama rakan strategik seperti agensi kerajaan dan syarikat-syarikat GLC, INSKEN, MARA, TNB, Halal JAKIM, syarikat swasta dan lain-lain.
8. Bagi **Program Latihan & Kerjaya** bilangan peserta yang terlibat sepanjang tahun 2022 adalah seramai 311 orang asnaf yang terdiri daripada 237 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 74 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.
9. Sebanyak 29 buah program berkaitan dengan Program Latihan dan Kerjaya Asnaf MAIWP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 iaitu 22 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 7 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.
10. Seterusnya, bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2023 dalam Program Latihan dan Kerjaya Asnaf MAIWP adalah seramai 405 orang asnaf yang terdiri daripada 318 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 87 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.
11. Sebanyak 33 buah Program berkaitan dengan Program Latihan dan Kerjaya Asnaf MAIWP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 iaitu 23 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 6 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.
12. Sepanjang tahun 2022 dan 2023, sebanyak 62 buah program Program Latihan dan Kerjaya Asnaf MAIWP telah dianjurkan oleh MAIWP

yang telah melibatkan penyertaan seramai 716 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

13. MAIWP turut menganjurkan **Program Agro (Pertanian Bandar)** kepada asnaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan bertujuan membantu meningkatkan pendapatan asnaf. Bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2022 adalah seramai 250 orang asnaf yang terdiri daripada 205 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 45 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

14. Sebanyak 7 buah **Program Agro (Pertanian Bandar)** kepada asnaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 iaitu 3 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 4 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

15. Seterusnya, bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2023 dalam **Program Agro (Pertanian Bandar)** kepada asnaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan yang dianjurkan oleh MAIWP adalah seramai 471 orang asnaf yang terdiri daripada 360 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 111 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

16. Sebanyak 10 buah Program berkaitan dengan Pembangunan Usahawan Asnaf MAIWP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 iaitu 3 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 7 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

17. Sepanjang tahun 2022 dan 2023, sebanyak 17 buah program Pembangunan asnaf telah dianjurkan oleh MAIWP yang telah melibatkan penyertaan seramai 721 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

18. Selain memantapkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kebolehan asnaf, MAIWP turut memberikan bimbingan kerohanian serta kesedaran dalam bentuk **Program Kerohanian Asnaf**, supaya asnaf dapat merasa bersyukur, komited dengan apa yang diusahakan agar suatu hari nanti boleh berjaya sehingga menjadi seorang pembayar zakat.

19. Bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2022 dalam **Program Kerohanian Asnaf** adalah seramai 880 orang asnaf yang terdiri daripada 440 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 440 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

20. Sebanyak 8 buah **Program Kerohanian Asnaf** di Wilayah-Wilayah Persekutuan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 iaitu 4 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 4 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

21. Seterusnya, bilangan peserta terlibat sepanjang tahun 2023 dalam **Program Kerohanian Asnaf** kepada asnaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan yang dianjurkan oleh MAIWP adalah seramai 3,371 orang asnaf yang terdiri daripada 2,611 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 760 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

22. Sebanyak 27 buah Program berkaitan dengan **Program Kerohanian Asnaf** telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 iaitu 12 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 15 buah program dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

23. Sepanjang tahun 2022 dan 2023, sebanyak 35 buah program **Program Kerohanian Asnaf** telah dianjurkan oleh MAIWP yang telah melibatkan penyertaan seramai 4,251 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

24. Secara keseluruhan, jumlah asnaf yang terlibat dalam Program Pembangunan Asnaf pada **tahun 2022 hingga 2023** di Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah **seramai 10,288 orang peserta** dengan **bilangan 172 program** yang melibatkan perbelanjaan **RM19,289,310.00**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rintangan terhadap pembentangan segera RUU Perkhidmatan Parlimen daripada agensi Kerajaan dan Kementerian Kewangan. Apakah langkah yang sedang diambil untuk membaiki rintangan ini agar RUU ini dapat dibentangkan sebelum tahun 2025.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan MADANI yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri ke-10 dan ahli-ahli Jemaah Menteri komited dan telah bersetuju secara prinsip bagi meminda Perlembagaan Persekutuan dan menggubal Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu, antara lain bagi memberikan kuasa autonomi pentadbiran dan kewangan kepada Parlimen serta mewujudkan Majlis Perkhidmatan Parlimen bagi mengendalikan semua urusan pentadbiran Parlimen Malaysia di bawah skim perkhidmatan yang baharu.
2. Langkah reformasi ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI ke arah memartabatkan doktrin pengasingan kuasa antara badan perundangan dengan badan eksekutif, dan akan terus memperkasakan semangat perlembagaan dengan izin, *constitutionalism*.
3. Bagi merealisasikan usaha reformasi ini, beberapa sesi libat urus telah diadakan pada tahun 2023 dan 2024 dengan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC) serta Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bagi memuktamadkan ketetapan dasar berkenaan dengan perkara ini.
4. Berikutan maklum balas yang diterima daripada JPA dan MOF, pihak BHEUU, JPM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu mesyuarat penyelarasan pada bulan Februari 2024 bersama SPA, JPA, MOF dan AGC bagi meneliti aspek saraan dan pencen bagi pegawai-pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Parlimen, bagi memastikan hak dan kebajikan mereka terjaga.

5. Memorandum Jemaah Menteri yang lebih komprehensif sedang disediakan oleh BHEUU, JPM bagi memastikan Kerajaan MADANI dapat membentangkan cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan serta Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu dalam masa yang terdekat ini.

6. Usaha pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu ini yang akan dibentangkan tidak lama lagi merupakan prioriti Kerajaan MADANI bagi terus meningkatkan imej dan peranan Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi dalam negara serta meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia mengenai integriti Parlimen dalam menjalankan tanggungjawabnya selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RIDUAN BIN RUBIN
[TENOM]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan Program Khas Anak Negeri Sabah yang bertujuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi bumiputera Sabah ke arah pendapatan wajar selari dengan komitmen Kerajaan di dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025.

JAWAPAN

YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan siling peruntukan pembangunan sebanyak RM229.7 juta bagi membiayai Program Khas Anak Negeri (PKAN) Sabah dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Antara inisiatif di bawah PKAN Sabah meliputi antaranya projek pembinaan Mahkamah Anak Negeri, pengukuran tanah *Native Customary Rights* (NCR) dan pembangunan modal insan. Program ini merupakan manfaat tambahan yang diberikan khusus

kepada Anak Negeri Sabah untuk pembangunan sosio-ekonomi negeri tersebut selain daripada program / projek yang dilaksanakan oleh Kementerian / Jabatan lain.

2. Daripada segi usaha-usaha untuk memelihara dan melindungi Tanah Orang Asal di Sabah, Kerajaan telah melaksanakan Program Pengukuran Tanah NCR sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sejak tahun 2010 sehingga tahun 2023, sejumlah RM185.53 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Sehingga 29 Februari 2024, sejumlah 174,693.15 hektar tanah telah berjaya diukur. Bagi tahun 2024, Kerajaan Persekutuan terus komited dan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi membantu usaha Kerajaan Negeri dalam memelihara dan melindungi kepentingan Anak Negeri Sabah.

3. Selain itu, Kerajaan juga merangka program pembangunan modal insan untuk Anak Negeri Sabah sebagai satu bentuk latihan dan pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Ini termasuk pelaksanaan program / kursus kemahiran dalam seni kraftangan batik, arca, logam, anyaman dan sebagainya. Program ini telah berjaya membantu peserta mendapatkan peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran yang berkaitan dan sekaligus membantu meningkatkan hasil pendapatan mereka. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi pelaksanaan program modal insan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sepanjang tempoh 2021-2023 seramai 904 peserta telah mendapat latihan kemahiran.

4. Kerajaan komited untuk terus membangunkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Bumiputera Sabah demi kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah tangkapan kes berkaitan lesen perniagaan warga tempatan yang disewa kepada warga asing di kawasan Klang sepanjang tahun 2023. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak yang didapati bersalah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Bandaraya DiRaja Klang (MBDK) telah melaksanakan sebanyak 125 operasi penguatkuasaan ke atas premis perniagaan yang melibatkan warga asing secara bersepadu dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2023. Berdasarkan operasi yang dijalankan, sebanyak 535 sitaan dan rampasan barangan penjaja warga asing serta pembatalan 25 unit lesen peniaga tempatan telah dikeluarkan oleh MBDK setelah mendapati peniaga-peniaga ini menyewakan lesen kepada warga asing. Penguatkuasaan ini adalah selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja serta UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited untuk menjalin kerjasama yang konstruktif dan aktif dengan Kementerian lain dalam memudah cara dan menyokong usaha penguatkuasaan PBT terhadap isu penyalahgunaan premis atau lesen perniagaan di kawasan pentadbiran PBT terutamanya yang melibatkan warga asing. Kerjasama bersepadu dengan pendekatan '*whole of government*' bersama-sama agensi penguatkuasa lain adalah perlu bagi menangani isu yang semakin berleluasa ini berdasarkan kekangan bidang kuasa PBT yang terhad kepada pemeriksaan lesen premis dan perniagaan sahaja.

Selari dengan komitmen KPKT ini, MBDK melaksanakan usaha-usaha seperti berikut dalam kawasan pentadbirannya bagi mengekang aktiviti penyalahgunaan lesen warga tempatan untuk perniagaan oleh warga asing:

1. Menempatkan anggota penguatkuasa secara berkala ataupun mengadakan rondaan dengan kerap di lokasi titik panas (*hotspot*) aktiviti tersebut;
2. Menjalankan siasatan lesen perniagaan warga tempatan secara berkala dan mengambil tindakan pembatalan lesen tersebut

SOALAN NO : 61

- sekiranya mendapati kelulusan lesen telah disalahgunakan; dan
3. Meningkatkan kekerapan operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan.

Kerajaan Negeri juga proaktif memainkan peranan dalam menyelaraskan mekanisme pengurusan pelesenan perniagaan di peringkat PBT masing-masing dengan memperketat syarat permohonan baharu dan pembaharuan lesen perniagaan PBT bagi mengekang monopoli perniagaan oleh warga asing serta menyelaraskan operasi bersepadu dalam skala besar di peringkat Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :

(a) apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam menyelamatkan, membantu dan mencegah kes penipuan bekerja di luar negara, khususnya di sempadan Kemboja, Myanmar dan Laos; dan

(b) adakah pihak Kementerian akan menggariskan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk menangani kes sedemikian, bermula daripada kempen kesedaran di lapangan terbang, sehingga ke penyenaiaan hitam selepas mereka berjaya dibawa pulang.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Petaling Jaya** di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri (KLN) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menyelamatkan warganegara Malaysia yang menjadi mangsa kepada sindiket tawaran penipuan pekerjaan, atau dengan izin, *job scam* di luar negara dan memastikan jalinan diplomatik yang dibina selama ini turut melibatkan jalinan kerjasama pelbagai pihak dengan negara-negara di mana warganegara kita telah menjadi mangsa. Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negeri telah memainkan peranan utama dalam menyelaras dan menyelamatkan mangsa dengan bantuan pihak-pihak berkuasa di luar negara. KLN juga turut menjadi pemudahcara yang menghubungkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama pihak polis tempatan negara terbabit bagi tujuan perkongsian maklumat, di samping turut mengadakan libat urus dan pertemuan dengan wakil Kedutaan Besar negara-negara terlibat di Kuala Lumpur bagi memudahcara misi menyelamatkan mangsa. KLN turut memberikan bantuan konsular kepada mangsa termasuk memudahcara proses dokumentasi dan penghantaran pulang mangsa.

3. KLN selaku peneraju Jawatankuasa Khas *Job Scam* akan terus berhubung rapat bersama Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat bagi memastikan isu *job scam* di luar negara ini dapat dicegah bermula daripada peringkat akar umbi. KLN dan ahli-ahli Jawatankuasa ini telah memanfaatkan pengaruh media massa melalui hebahan video kesedaran yang telah dimuat naik ke aplikasi media sosial utama seperti *Facebook*, *Youtube*, *Instagram* dan *Tik Tok* bagi mensasarkan golongan muda yang sering menjadi mangsa sindiket ini.

SOALAN NO : 62

Selain itu penerbitan berita dan artikel serta program wawancara mengenai sindiket jenayah *job scam* ini turut dibuat di akhbar-akhbar utama dan media perdana. KLN turut mengadakan hebahan kesedaran melalui Program Seranta dan pembukaan ruang reruai seperti pada Hari Terbuka Putrajaya pada 1 hingga 4 Februari 2024 dan Program MADANI Rakyat di Kuala Selangor pada 23 hingga 25 Februari 2024.

4. Kementerian Luar Negeri akan terus meningkatkan usaha bagi menangani masalah warganegara Malaysia yang menjadi mangsa sindiket penipuan tawaran pekerjaan di luar negara. Kementerian ini sekali lagi ingin mengingatkan rakyat Malaysia yang berminat mendapatkan pekerjaan di luar negara supaya berhati-hati dan mengesahkan bidang atau bentuk kerja yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keperluan membina dan menaik-taraf sistem perparitan di Kawasan Penempatan Semula Tudan, Daerah Miri yang bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut sehingga menjejaskan kehidupan penduduk setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengawalan risiko banjir kilat di kawasan operasi dan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan salah satu agenda utama KPKT dalam menentukan langkah-langkah penyelesaian bagi isu-isu penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan yang efektif dan berkualiti.

Bagi tahun 2023, KPKT telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 kepada Majlis Bandaraya Miri bagi menaik taraf parit tanah kepada sistem perparitan dan longkang yang lebih baik serta menyediakan pembedung bagi menyalurkan aliran air (*final discharge*) ke parit utama bagi mengurangkan risiko kejadian banjir kilat di kawasan Penempatan Semula Tudan, Miri. Melalui Inisiatif Belanjawan 2024, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi penyelenggaraan perparitan oleh semua PBT seluruh negara. Sehubungan itu, PBT boleh mengemukakan permohonan untuk pertimbangan sewajarnya di peringkat Kementerian.

Selain itu, Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) juga telah disediakan bagi kawasan Miri sebagai panduan utama bagi menangani masalah banjir di kawasan berkenaan dalam tempoh 10 tahun akan datang. KPKT dengan kerjasama Majlis Bandaraya Miri akan menyediakan perancangan jangka panjang berdasarkan PISMA Miri tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN – PM22(5)

DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Manndzri bin Nasib (Tenggara) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang insentif dan bantuan baru yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian terhadap syarikat mahupun individu yang mengendalikan perkhidmatan bas sekolah berikutan kenaikan tambang bas sekolah sekali gus membebankan rakyat khususnya golongan ibu bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memahami sepenuhnya kebimbangan dan kepentingan golongan pengusaha bas sekolah dalam aspek kebajikan mereka. YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2024 pada 13 Oktober 2023 telah mengumumkan bahawa kadar tanggungan Kerajaan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) akan ditingkatkan daripada 80 peratus kepada 90 peratus dengan peruntukan 100 juta ringgit. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.

2. Sebagai menyahut baik inisiatif SKSPS yang telah diumumkan YAB Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan telah mengusahakan inisiatif bagi menaja baki 10 peratus caruman untuk pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah yang bertaraf warganegara Malaysia dan mempunyai kad pemandu serta lesen PSV yang masih aktif.

3. Dari segi mekanismanya, Kerajaan melalui PERKESO akan menanggung pembiayaan caruman sebanyak 90% (RM209.50) daripada Caruman SKSPS, Pelan 2 (RM232.80). Manakala baki pembiayaan caruman sebanyak 10% (RM23.30) akan ditanggung di peringkat Kementerian Pengangkutan. Di bawah pelan ini, sekiranya orang bekerja sendiri yang dilindungi meninggal dunia akibat bencana pekerjaan, ibu bapa atau suami/ isterinya layak mendapat pencen sebanyak RM1,395 sebulan untuk seumur hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH
BINTI MAJILIS@FAKHARUDY
[KOTA BELUD]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS@FAKHARUDY [KOTA BELUD] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) pecahan peruntukan bagi pembinaan baru, pembaikan dan naik taraf infrastruktur asas (jalan raya, bekalan elektrik, air) yang melibatkan semua Kementerian bagi wilayah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) berapa jumlah yang dimohon oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi tiga infrastruktur ini bagi tahun 2024 dan berapa daripada jumlah tersebut yang telah diluluskan.

JAWAPAN**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan peruntukan bagi pembinaan baru, pembaikan dan naik taraf infrastruktur asas (jalan raya, bekalan elektrik, air) yang melibatkan semua Kementerian bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi *Rolling Plan* (RP) 4 RMKe-12 tahun 2024 adalah seperti berikut:

Kawasan	Peruntukan (RM)		
	Jalan & Jambatan	Air	Elektrik
Semenanjung	4,377,854,700	656,855,100	5,704,800
Sabah	2,509,630,400	412,710,000	599,776,900
Sarawak	1,635,403,000	293,351,000	153,081,400
Pelbagai Negeri	2,346,900,000	185,500,000	37,405,200
Jumlah	10,869,788,100	1,548,416,100	795,968,300

Sumber data: cerapan Sistem MyProjek pada 4 Mac 2024

- b. Sebagai makluman, Kerajaan Negeri Sabah telah **memohon sepuluh (10) projek** melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah bagi tahun 2024. **Lima (5) daripadanya** adalah bagi kategori pembinaan baru, pembaikan dan naik taraf infrastruktur asas (jalan raya, bekalan elektrik, air). Daripada jumlah tersebut **satu (1) projek telah diluluskan** dalam *Rolling Plan* (RP) 4 RMKe-12 tahun 2024 iaitu Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Tangulan, Tuaran, Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
BIN TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan serta apakah masa depan kehadiran pelarian Filipina di Sabah yang sudah berada di Sabah sejak awal 70an.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 136,055 pelarian Filipina di Sabah telah dikenal pasti melalui data semak silang antara Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Sabah dan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Pejabat Ketua Menteri Sabah. Daripada jumlah tersebut seramai 51,645 orang pelarian memegang dokumen IMM13, seramai 47,518 orang memegang Sijil Banci Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/Labuan manakala seramai 36,892 orang lagi memegang dokumen Resit Pengenalan Sementara Jabatan Ketua Menteri.
2. Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan memandang serius terhadap status dan masa hadapan golongan ini. Ia diterjemahkan melalui forum Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing Negeri Sabah yang terbahagi kepada dua (2) iaitu Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal. Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing Negeri Sabah dipengerusikan secara bersama oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YB Menteri Dalam Negeri manakala di peringkat Jawatankuasa Teknikal pula dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah dan Timbalan Menteri Dalam Negeri.
3. Jawatankuasa ini bertindak sebagai platform untuk meneliti dan merancang hala tuju pelarian Filipina di negeri Sabah. Jawatankuasa ini telah mengesyorkan agar pendataan semula dibuat terhadap mereka merangkumi pengambilan biometrik dan gambar untuk simpanan profil mereka yang terkini dan teratur. Ini membolehkan kedudukan dan status mereka juga dikesan semula. Jawatankuasa ini juga memutuskan agar satu dokumen pengenalan diri tunggal diaplikasikan bagi memudahkan pengurusan pelarian Filipina di Sabah pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ
BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa perbelanjaan bagi pembayaran pencen dan elaun Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat pada tahun 2018 - 2023.

JAWAPAN**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan tahunan yang ditanggung oleh Kerajaan antara tahun 2018 sehingga 2023 untuk membiayai bayaran persaraan bekas Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen merangkumi bekas Perdana Menteri, Menteri, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Bil. Pesara dan Penerima Pencen Terbitan (orang)	Jumlah pembayaran pencen (RM juta)
2018	1,354	199.2
2019	1,189	89.3
2020	1,230	104.4
2021	1,200	98.9
2022	1,356	148.8
2023	1,243	105.8

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN – PM22(5)

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan: -

- a. apakah pencapaian Pelan Induk Perkapalan Malaysia 2017-2022; dan
- b. apakah pelan atau usaha lanjut kerajaan untuk memajukan industri maritim Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah membangunkan Pelan Induk Perkapalan Malaysia (MSMP) untuk memperkasakan industri Perkapalan Malaysia dan seterusnya dapat meningkatkan sumbangan industri ini kepada ekonomi negara. MSMP bertujuan untuk mencapai objektif utama berikut:

- 1.1 **Meningkatkan Daya Saing Perkapalan Malaysia:** Meningkatkan penyertaan kapal bendera Malaysia dalam perdagangan domestik dan antarabangsa, meningkatkan daya saing industri dan mengurangkan kebergantungan kepada kapal bendera asing;
- 1.2 **Membangunkan Modal Insan Maritim:** Mengatasi kekurangan pekerja laut yang mahir dengan memperluaskan program pendidikan dan latihan maritim, memastikan kelestarian bekalan kakitangan yang berkecukupan untuk memenuhi keperluan masa depan industri ini;
- 1.3 **Mempromosikan Pembiayaan Kapal:** Memudahkan akses kepada pembiayaan yang berpatutan bagi pemilik kapal Malaysia, membolehkan mereka melabur dalam sektor perkapalan dan teknologi baru dan bersaing secara efektif di pasaran maritim global;
- 1.4 **Menyelaraskan Kerangka Peraturan:** Meningkatkan kecekapan dan ketelusan kerangka peraturan untuk industri maritim, mengurangkan beban pentadbiran dan menyuburkan persekitaran perniagaan yang kondusif; dan

- 1.5 **Membangunkan Perkhidmatan Sokongan/ Tambahan:** Menyokong pembangunan perkhidmatan sokongan/ tambahan seperti logistik maritim dan insurans marin, untuk memberikan sokongan menyeluruh kepada industri penghantaran dan meningkatkan daya saingnya secara keseluruhan.

2. *National Shipping and Port Council (NSPC)* ditubuhkan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti di bawah MSMP. NSPC merupakan satu platform perbincangan di antara agensi-agensi Kerajaan dan pihak industri perkapalan maritim dalam menilai dan menggubal dasar serta inisiatif-inisiatif bagi sektor pengangkutan maritim yang merangkumi perkapalan, hal ehwal pelaut, pelabuhan serta industri hiliran maritim. Selain itu juga, platform ini akan membolehkan isu-isu dasar dan perancangan industri maritim dapat dibincangkan secara holistik dan komprehensif serta keputusan mengenainya dibuat secara kolektif.

3. Dalam hubungan ini, enam (6) Jawatankuasa Penasihat (*Advisory Committee - AC*) NSPC telah dibentuk bagi menggerakkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah NSPC seperti berikut:

- i. AC1 : Mempromosikan Pekerjaan Kapal Malaysia dalam Bidang Perkapalan di Malaysia (*Promoting Employment of Malaysian Ships*);
- ii. AC2 : Mempromosikan Pekerjaan sebagai Pelaut (*Promoting Employment of Malaysia Seafarers*);
- iii. AC3 : Memudahkan Akses kepada Modal dan Pembiayaan (*Facilitating Access to Capital and Financing*);
- iv. AC4 : Meningkatkan Daya Tarik Malaysia kepada Perniagaan Perkapalan (*Enhancing Malaysia's Attractiveness to Shipping Businesses*);
- v. AC5 : Mempromosikan Inovasi dalam Pertumbuhan Mampan Perkhidmatan Sampingan Maritim (*Promoting Innovation in Sustainable Growth of Maritime Ancillary Services*); dan

- vi. AC6 : Meningkatkan Daya Saing dan Produktiviti Pelabuhan Malaysia (*Improving Competitiveness and Productivity of Malaysian Ports*).

4. MSMP menjadi indikator utama sektor perkapalan daripada tahun 2019 hingga 2022. Kemudiannya, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melanjutkan tempoh pelaksanaan MSMP sehingga tahun 2025 agar selari dengan pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2025-2030 dan melaksanakan penilaian pencapaian MSMP secara menyeluruh pada pertengahan tahun 2024 dan memastikan semua maklumat berkaitan sasaran dan objektif MSMP didokumenkan.

5. Justeru itu, setiap *Advisory Committee - AC* di bawah NSPC telah mengemaskini dan menganalisis data dan statistik terkini berdasarkan keadaan terkini berpandukan kepada perangkaan Dasar Perkapalan Negara, terutamanya bawah skop pelayaran dan kargo domestik, selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

6. Bagi memajukan industri maritim Malaysia pula, setiap *Advisory Committee - AC* telah mengemukakan beberapa cadangan strategi seperti berikut:

6.1 Memudahkan proses pendaftaran kapal:

- a. menambah bilangan pejabat pendaftaran di semua pejabat Wilayah JLM;
- b. melengkapkan kemahiran teknikal kakitangan JLM, fokus kepada pendaftaran kapal; dan
- c. mewujudkan pejabat pendaftaran kapal Malaysia di luar negara.

6.2 Memberikan perkhidmatan yang pantas terutamanya berkenaan khidmat teknikal (*efficient infrastructure and administration*):

- a. permohonan dan kelulusan pengecualian (*exemption*), pelanjutan (*extension*) dan pelayaran sehala (*single voyage*) boleh diproses dengan segera;

- b. permohonan DSL yang lebih mesra kepada kapal Malaysia;
 - c. menambahkan latihan kemahiran dan kepakaran pegawai JLM agar khidmat teknikal dapat diberikan dengan lebih cepat dan selari dgn SOP JLM yang berkuatkuasa;
 - d. menempatkan pegawai teknikal JLM di tempat yang sepatutnya; dan
 - e. memberikan khidmat teknikal 24 jam - 7 hari.
- 6.3 Memudahkan pemilik kapal Malaysia mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan (bank) tempatan dengan kadar faedah yang lebih rendah.
- 6.4 Memastikan negara Malaysia sentiasa dalam senarai *White List* dalam semua *Port State Control Regime*:
- a. mengelakkan kapal Malaysia menjadi sasaran pemeriksaan PSC setiap kali memasuki pelabuhan di luar negara; dan
 - b. mengelakkan kelewatan keberangkatan sekiranya kapal tersebut ditahan.
- 6.5 Memberi kelebihan dan keutamaan kepada kapal Malaysia memasuki pelabuhan di dalam Malaysia:
- a. mengkaji kaedah pelaksanaan daripada negara luar terutamanya Singapura dan Hong Kong yang mengamalkan keutamaan kapal pendaftaran tempatan untuk memasuki pelabuhan tempatan; dan
 - b. memberi kemudahan pengurangan perkhidmatan yang diberikan oleh *Port Reception Facility* (50%) dan caj pelabuhan (20-30%).
- 6.6 Memastikan RO yang dilantik mematuhi keperluan kebangsaan, IMO dan ILO.
- 6.7 Mengkaji semula Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) Bahagian III C berkenaan pendaftaran MISR:
- a. cadangan agar membuka peluang kepada mana-mana kapal tanpa mengira umur dan tanan dengan syarat

- survei yang dijalankan oleh RO mendapati kapal layak layar;
- b. mengekalkan pejabat pengurus kapal di Malaysia bagi memberi peluang kepada bekas pelaut Malaysia untuk bekerja di syarikat tersebut; dan
 - c. dapat menyumbang kepada peningkatan jumlah tanan kapal negara.
- 6.8 Memudahkan proses pembayaran sijil dan caj perbelanjaan melalui sistem *e-payment*.
- 6.9 Memberi keutamaan kepada kapal Malaysia yang beroperasi dalam perairan Malaysia dengan memberi pengecualian bertempoh bagi:
- a. keperluan *Ballast Water Management*;
 - b. pematuhan kepada MARPOL Annex VI;
 - c. penggunaan kapal tangki *Single Hull/ Single Bottom*;
 - d. penggunaan kapal korek (*dredger*); dan
 - e. penggunaan kapal pengangkut pasir (*sand carrier*).
- 6.10 Memberikan kemudahan dan mengutamakan kapal Malaysia memasuki limbungan di Malaysia:
- a. mengalakkan dengan memperkenalkan insentif-insentif bagi pertumbuhan limbungan-limbungan di lokasi perairan strategik Malaysia;
 - b. memberikan kemudahan penggalakkan dengan memberi caj pengurangan antara 20% - 30% sekiranya memasuki limbungan di dalam Malaysia; dan
 - c. memastikan penyedia perkhidmatan (*servis provider*) dan pembuat mesin dan peralatan (*maker manufacturer of equipment & machinery*) diwujudkan di Malaysia.
- 6.11 Mewujudkan perkhidmatan pelabuhan (*port services*) antaranya *ship chandeliers*, perkhidmatan bekalan (*bunker fresh water & fuel*), perkhidmatan e-hailing dan perkhidmatan sokongan bagi kebajikan kapal/ pelaut. Ini memudahkan kapal tempatan dan

NO. SOALAN: 68

asing mendapatkan perkhidmatan yang lebih mesra dan mudah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [
BATANG LUPAR]**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan oleh Kerajaan untuk mewujudkan pusat pentadbiran peringkat daerah bagi menempatkan pejabat-pejabat persekutuan untuk Daerah Pusa agar jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat tidak perlu menumpang di bangunan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan mempunyai 20 buah Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di seluruh Sarawak yang menempatkan Jabatan/Agensi Persekutuan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Sarawak.

2. Lokasi bagi BGP ini adalah terletak di bandar-bandar utama seluruh Sarawak di setiap bahagian (kecuali di Bahagian Serian). Penempatan BGP di bandar-bandar utama adalah bagi memudahkan urusan orang ramai setelah mengambil kira kemudahan asas dan infrastruktur yang semestinya lebih tersedia berbanding di luar-luar bandar yang agak jauh dari pusat bandar selain faktor pusat bandar yang menjadi tumpuan orang ramai. Di Bahagian Betong, BGP sedia ada setakat ini adalah Wisma Persekutuan Betong, Jalan Tanjung Assam, Betong yang menempatkan 9 buah Jabatan/Agensi Persekutuan.

3. Kerajaan mengambil maklum bahawa masih terdapat Jabatan atau Agensi Persekutuan di bahagian/daerah di Sarawak, termasuk daerah Pusa yang berada dalam Bahagian Betong masih menyewa di premis swasta mahupun menumpang bangunan pejabat di bawah Kerajaan Negeri Sarawak. Namun, buat masa ini keutamaan perancangan bagi pembangunan BGP di seluruh Sarawak adalah setelah mengambilkira keperluan penempatan Jabatan atau Agensi yang lebih mendesak dan ini juga dengan mengambil kira kos sewaan yang lebih ekonomikal berbanding kos pembinaan BGP yang dijangka melibatkan peruntukan yang lebih tinggi.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak pada tahun 2023 telah melaksanakan tinjauan keperluan BGP di setiap bahagian bagi mendapatkan keperluan ruang [*Schedule of Accommodation (SOA)*] Jabatan/Agensi sebelum perancangan pembinaan BGP di satu-satu bahagian/daerah. Berdasarkan dapatan tinjauan tersebut, hanya 1 jabatan di daerah Pusa yang telah mengemukakan maklum balas keperluan ruang pejabat. Justeru, cadangan pembangunan baharu tidak dapat diangkat/diteruskan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JONATHAN BIN YASIN
[RANAU]
TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JONATHAN BIN YASIN [RANAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penurunan kuasa untuk meluluskan projek pembangunan bernilai RM50 juta dan ke bawah telah dilaksanakan di Sabah pada tahun 2023. Jika ya, maka berapakah jumlah bilangan projek dan jumlah keseluruhan nilai peruntukan projek pembangunan tersebut. Tahun ini berapa projek terlibat.

JAWAPAN**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Kerja Projek Pembangunan Persekutuan Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Teknik di Negeri Sabah dan Sarawak yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2023 telah mengiktiraf Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik bagi melaksanakan semua projek kerja yang berjumlah RM50 juta dan ke bawah tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
2. Secara keseluruhannya, status pelaksanaan dan jumlah peruntukan program/projek pembangunan bawah RM50 juta untuk negeri Sabah bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil Program/Projek	Peruntukan (RM)	Status Pelaksanaan					
			Pra Pelaksanaan		Dalam Pelaksanaan		Pasca Pelaksanaan	
			Bil	Peruntukan (RM)	Bil	Peruntukan (RM)	Bil	Peruntukan (RM)
2023	102	276,479,500	34	57,810,100	51	188,118,000	17	30,551,400
2024	88	223,815,300	33	100,000,000	48	118,265,100	7	5,550,200

Sumber data: Cerapan MyProjek pada 4 Mac 2024

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR (KETEREH)

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Pencen Hilang Upaya ke atas anggota veteran yang cedera semasa bertugas terutama semasa operasi menentang pengganas komunis di zaman darurat akan diselaraskan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dan komited dalam memperkasakan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM termasuklah mereka yang sedang menerima pencen hilang upaya akibat dari kecederaan dan hilang upaya semasa melakukan operasi menentang penganas komunis di zaman darurat.

2. Menyedari hakikat bahawa kadar pembayaran Faedah Hilang Upaya (FHU) yang diguna pakai sekarang telah lapuk dan nilainya tidak sepadan dengan keadaan ekonomi semasa, Kementerian secara proaktif telah menyemak kesemua kadar-kadar tersebut dengan mengambil kira semua komponen FHU iaitu:

- i. Pencen Hilang Upaya;
- ii. Ganjaran Hilang Upaya;
- iii. Elaun Pelajaran; dan
- iv. Elaun Layanan Sentiasa, dengan menambahbaik syarat dan penambahbaikkan kadar mengikut formula ***Time Value of Money***.

3. Kertas cadangan ini telah pun dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera (MAT) pada 24 Okt 2023. Kementerian sedang menyediakan draf Memorandum Jemaah Menteri berkaitan cadangan tersebut untuk ulasan Agensi-agensi Pusat sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Tentera Darat berkenaan pelan masa hadapan aset Kereta Kebal "Pendekar" PT-90M mengambil kira syarikat *Original Equipment Manufacturer* (OEM) iaitu Bumar Laberdy daripada Poland sudah menghentikan pengeluaran alat ganti kereta kebal jenis ini serta prestasi buruk kereta kebal dari model yang sama dalam Perang Rusia – Ukraine.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kereta Kebal PENDEKAR ini merupakan aset bersifat ofensif berdaya musnah yang penting untuk pertahanan negara dan juga merupakan elemen *deterrence* pertahanan daratan. Penerimaan Kereta Kebal ini telah dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2007 hingga 2011. Aset ini diletakkan di bawah pengoperasian Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja yang berpangkalan di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan.
2. Bagi menentukan Kereta Kebal PENDEKAR dapat diaturgerakkan untuk penugasan operasi dan latihan, Kerajaan Malaysia telah mewujudkan Kontrak Perkhidmatan Senggaraan dan Pembekalan Alat

SOALAN NO: 72

Ganti Kereta Kebal PENDEKAR yang dilaksanakan menggunakan kepakaran tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada *Original Equipment Manufacture* (OEM) dan juga masalah '*no more production*' pada sesetengah komponen utama pada kereta kebal tersebut. Kontrak senggaraan dan pembekalan alat ganti ini akan tamat pada September 2024 dan akan dilanjutkan sehingga September 2025.

3. Sebagai inisiatif lain, satu kajian bersama melibatkan pengguna, pasukan teknikal dan pemegang Kontrak Perkhidmatan Senggaraan dan Pembekalan Alat Ganti sedang dilaksanakan. Pelaksanaan kajian ini dibuat ke atas 2 buah *Main Battle Tank* (MBT) bagi mengenalpasti permasalahan kritikal melibatkan Transmisi RENK, Komponen Elektronik *Gunner Laser Range Finder* (GLRF) dan Sistem Sokongan Kawalan Tembakan (*Fire Control System*). Kajian telah dilaksanakan mulai Jun 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2024.

4. Dengan adanya kajian ini, isu melibatkan permasalahan OEM kepada aset yang berstatus *Obsolete* dan tiada pengeluaran bakal diatasi dengan kewajaran kajian yang sedang dilaksanakan di peringkat Tentera Darat. Selain itu, pihak Tentera Darat Malaysia juga sedang merancang untuk melaksanakan *Life Extension Programme* (LEP) ke atas Kereta Kebal PENDEKAR dan dijangka akan didaftarkan dalam RMK-12 atau RMK-13.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 25 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pekerja perkhidmatan penghantaran (*p-hailing* dan *e-hailing*) dan apakah polisi Kerajaan untuk menggalakkan mereka menggantikan kesemua motosikal mereka kepada jenis elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Data terkini jumlah bilangan penghantar di bawah sektor *e-hailing* setakat November 2023 adalah sebanyak 128,901 orang. Data tersebut telah direkodkan berdasarkan pengeluaran permit kenderaan *e-hailing* (evp) kepada syarikat penyedia perkhidmatan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Manakala data bilangan penghantar di bawah sektor *p-hailing* pula masih tidak direkodkan pada masa ini memandangkan kelulusan pindaan Akta 715 (Pindaan 2023) bagi mengawalselia sektor perkhidmatan *p-hailing* tersebut baru saja diwartakan pada 16 Jun 2023 dan dikuatkuasakan pada 15 Oktober 2023 yang lalu.

2. Berikutan daripada kelulusan tersebut, Kementerian ini sedang merangka dan membangunkan peraturan dan syarat pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* bertujuan untuk memastikan pelaksanaan perkhidmatan *p-hailing* ini kelak dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat termasuklah syarikat-syarikat penyedia dan rakan penghantar perkhidmatan *p-hailing*.

3. Untuk makluman YB, pada masa ini Kerajaan tidak menetapkan polisi bagi penggantian motosikal kepada jenis elektrik, namun inisiatif tersebut adalah sangat digalakkan bagi syarikat penyedia dan rakan penghantar yang mempunyai kemampuan untuk menggunakannya.

Sekian, terima kasih.